

15

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

No. Kelas: 74 Fa

No Perolehan: T 0228

Tarikh: 12/74

PENGANTARAN

ASPEK SOSIAL DALAM RANCANGAN  
PENGAIRAN KEMUBU

LATIHAN ILMIAH  
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA  
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Oleh

No. Metrik: 19870

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
OKTOBER 1974

PERPUSTAKAAN  
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

## PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terimakasih kepada mereka yang tersebut di bawah ini, kerana tanpa pertolongan mereka kajian ilmiah ini tidak dapat disiapkan.

Pertama sekali kepada Puan Rokiah Talib, Pensyarah Jabatan Antropologi dan Sosiologi kerana telah banyak meluangkan masa untuk menyemak kajian ini dan memberi nasihat serta bimbingan yang berguna kepada pengkaji.

Kepada Encik Ahmad Ezanee Mansor dari MARDI, Serdang, kerana pertolongan beliau semasa dan selepas kajian dijalankan.

Kepada semua pegawai/kakitangan Jabatan Pertanian Kelantan dan KADA kerana memberi maklumat dan data yang berguna untuk kajian ini.

Kepada Penghulu-Penghulu Kampong Rumpek dan Padang Enggang, juga kepada semua petani dalam kedua-dua kampong itu yang telah memberi kerjasama mereka sepanjang masa kajian.

Akhir sekali kepada rakan-rakan serumah dan Puan Asma Ismail yang selalu memberi galakan yang tidak jemu-jemu kepada pengkaji.

Isaac  
Bilangas Keluaran  
Pelajaran  
Pekerjaan Utama dan Sambilan  
Pemilikan Tanah  
Penyusunan/Perancangan Tanah

Pengkaji

IV KEGIATAN PENANAMAN PADI

Sawah "Pasar dan Tunjok-jay"  
(Agricultural Demonstration Plot)  
Sambutan Petani  
Analisis Penanaman Padi  
Penyediaan Tapak Semaian & Benih  
Penyediaan Benih



# KANDONGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN .....	i
SENARAI JADUAL .....	iv
SENARAI PETA .....	vi
BAB	
I PENDAHULUAN .....	1
Pentingnya Perusahaan Menanam Padi .....	1
Penanaman Padi di Malaysia .....	4
Metodoloji .....	7
Tujuan Kajian .....	7
Tempat Kajian .....	7
Bidang Kajian .....	8
Metod Kajian .....	9
Definasi Konsep .....	9
Masaalah Kajian .....	10
II LATAR BELAKANG RANCANGAN PENGAIRAN KEMUBU .....	13
Kelantan: Penggunaan Tanah .....	13
Pengairan KEMUBU: Penggunaan Tanah .....	14
Perbelanjaan Rancangan Pengairan KEMUBU .....	16
Kawasan Rancangan Pengairan KEMUBU .....	16
III LATAR BELAKANG SOSIO-EKONOMI PETANI .....	21
Umur .....	21
Bilangan Keluarga .....	22
Pelajaran .....	22
Pekerjaan Utama dan Sambilan .....	23
Pemilikan Tanah .....	25
Penyewaan/Pemawahan Tanah .....	29
IV KEGIATAN PENANAMAN PADI .....	34
Sawah "Pameran dan Tunjukajar"	
(Agricultural Demonstration Plot) .....	34
Sambutan Petani .....	35
Amalan Penanaman Padi .....	39
Penyediaan Tapak Semaian & Benih .....	39
Penyediaan Bendang .....	40



Mencedong .....	42
Merumput .....	42
Menuai dan Merelai Padi .....	43
Membaja .....	43
Penyakit Padi .....	45
Musuh Padi .....	45
Kaitan Antara Pelajaran & Penanaman Padi .....	47
Penggunaan Jentera Pembajak .....	47
Penggunaan Baja (Peringkat I) .....	49
Penggunaan Baja (Peringkat II) .....	50
Penggunaan Baja (Peringkat III) .....	51
Penggunaan Racun Tikus .....	52
Kaitan Antara Pendapatan & Penanaman Padi .....	53
Penggunaan Jentera Pembajak .....	54
Penggunaan Baja (Peringkat I) .....	55
Penggunaan Baja (Peringkat II) .....	56
Penggunaan Baja (Peringkat III) .....	57
<b>V AKIBAT RANCANGAN PENGAIRAN KE ATAS PETANI .....</b>	<b>59</b>
Pembahagian Air .....	59
Konflik Akibat Perebut Air .....	61
Perhubungan Petani Dengan KADA .....	62
Penilaian Petani Terhadap Rancangan KEMUBU .....	65
Kesanggupan Petani Membayar Cukai Air .....	66
Jenis Padi Ditanam dan Kaitannya dengan Pengairan .....	67
Pengairan Mengurung Masa Lapang Petani .....	69
Pengairan Mengurung Binatang Ternakan .....	70
<b>VI PENUTUP .....</b>	<b>72</b>
Kesimpulan .....	72
Cadangan dan Masa Depan KEMUBU .....	73
<b>BIBLIOGRAPHY .....</b>	<b>76</b>
<b>LAMPIRAN</b>	
I Tempat Kajian .....	78
II Kampong Padang Enggang dan Kampong Rumpek .....	79



4.6	Misun Padi	47
-----	------------	----

4.7	Alat Kawalan Hama	47
-----	-------------------	----

## SENARAI JADUAL

4.8	Penggunaan Jentera Pembajak	48
-----	-----------------------------	----

Jadual	Muka Surat
1.1	Pertambahan Pengeluaran Padi ..... 3
1.2	Peratus Luas Sawah Padi ..... 4
1.3	Bahan Makanan Harian Penduduk Malaysia ..... 6
2.1	Luas Kawasan Pertanian di Kelantan ..... 14
2.2	Pengairan Kemubu - Luas Kawasan ..... 14
2.3	Pengairan Kemubu - Luas Jajahan & Luas Sawah Padi ..... 15
2.4	Pengairan Kemubu - Jenis-Jenis Tanaman & Luasnya ..... 15
3.1	Lingkungan Umur Petani-Petani ..... 21
3.2	Size Satu-Satu Keluarga Tani ..... 22
3.3	Tingkat Persekolahan Petani ..... 22
3.4	Kerja Sambilan Petani ..... 24
3.5	Pendapatan Dari Kerja Utama & Sambilan ..... 25
3.6	Kategori Petani ..... 26
3.7	Pengusahaan Tanah I ..... 27
3.8	Pengusahaan Tanah II ..... 28
3.9	Perjanjian Pemawahan.....
	Perbelanjaan Mengguna Sawah ..... 30
	Perbelanjaan Mengguna Baja ..... 30
	Perbelanjaan Pengangkutan Penghantaran Padi ..... 31
4.1	Jawapan/Nilaian Petani Terhadap "Demonstration Plot" .... 36
4.2	Penggunaan Jentera Pembajak ..... 41
4.3	Penyediaan Bendang - Cara Membajak ..... 41
4.4	Penggunaan Racun Rumput ..... 43
4.5	Penggunaan Baja (Peringkat II) ..... 44

4.6	Musuh Padi .....	47
4.7	Alat Kawalan Musuh .....	47
4.8	Penggunaan Jentera Pembajak .....	48
4.9	Penggunaan Baja I .....	49
4.10	Penggunaan Baja II .....	51
4.11	Penggunaan Baja III .....	51
4.12	Penggunaan Racun .....	52
4.13	Pendapatan dan Penggunaan Jentera .....	55
4.14	Pendapatan dan Penggunaan Baja (Peringkat I) .....	56
4.15	Pendapatan dan Penggunaan Baja (Peringkat II) .....	57
4.16	Pendapatan dan Penggunaan Baja (Peringkat III) .....	57
5.1	Penerimaan Air .....	60
5.2	Kekerapan Petani Bertemu Penjaga Pintu Air .....	63
5.3	Kesenangan Menemui Pekerja KADA .....	65
5.4	Pekerja KADA - Mengambil Berat Tentang Masaalah Petani ...	65
5.5	Kesanggupan Membayar Cukai Air .....	66
5.6	Penanaman Padi ("Musim") .....	68
5.7	Penanaman Padi ("Luar Musim") .....	68



## SENARAI PETA

<u>Peta</u>	<u>PENJELASAN</u>	Muka Surat
1	Peta Rancangan Pengairan Kemubu .....	20
2	Peta Tempat Kajian .....	78
3	Peta Kampong Padang Enggang dan Kampong Rumpek .....	79

Nasi adalah makanan utama di kalangan penduduk Asia. Walau bagaimanapun mereka yang tinggal di bandar-bandar telah berpaling dari nasi kepada makanan lain, seperti roti, telur, kopi. Tetapi bagi mereka yang tinggal di luar bandar, nasi masih memegang tempat utama dalam makanan harian mereka.

Dengan itu jelas bahawa bahan makanan itu mempunyai nilai keperluan yang tinggi di Asia, tetapi didapati tidak semua negara di Asia mengeluarkan beras yang cukup untuk keperluan mereka sendiri. Negara-negara seperti Indonesia, Malaysia, Ceylon, India dan Filipina masih memerlukan pengeluaran beras yang berketidapan untuk kegunaan dalam negeri sendiri, oleh itu buat masa sekarang negara-negara itu terpaksa mengimport beras dari negara-negara lain untuk memenuhi permintaan dalam negeri sendiri.

Keperluan untuk menambah pengeluaran hasil padi telah lama dirasakan oleh negara-negara tersebut dan usaha itu dapat dilihat dalam projek-projek pembangunan negara, seperti di Malaysia, Filipina dan lain-lain negara pengeluar beras.

Perkembangan dalam bidang hasil pertanian melibatkan, paling asas, penambahan pengeluaran dan mengurangkan pertambahan penduduk. Oleh itu, walaupun di negara-negara Asia terdapat pertambahan pengeluaran hasil padi sejak sepuluh tahun kebelakangan ini, iaitu sebanyak 3.5%, tetapi kadar pertumbuhan penduduk adalah lebih tinggi daripada itu. Kadar

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### Pentingnya Perusahaan Menanam Padi

Nasi adalah makanan utama di kalangan penduduk Asia. Walau bagaimanapun mereka yang tinggal di bandar-bandar telah mengubah dari nasi kepada makanan lain, seperti roti, telur, kopi. Tetapi bagi mereka yang tinggal di luar bandar, nasi masih mengambil tempat utama dalam makanan harian mereka.

Dengan itu jelas bahawa bahan makanan itu mempunyai nilai keperluan yang tinggi di Asia, tetapi didapati tidak semua negara di Asia mengeluarkan beras yang cukup untuk keperluan mereka sendiri. Negara-negara seperti Indonesia, Malaysia, Ceylon, India dan Filipina masih memerlukan pengeluaran beras yang berlebihan untuk kegunaan dalam negeri sendiri, oleh itu buat masa sekarang negara-negara itu terpaksa mengimpor beras dari negara-negara lain untuk memenuhi permintaan dalam negeri sendiri.

Keperluan untuk menambah pengeluaran hasil padi telah lama dirasakan oleh negara-negara tersebut dan usaha itu dapat dilihat dalam projek-projek pembangunan negara, seperti di Malaysia, Filipina dan lain-lain negara pengeluar beras.

Perkembangan dalam bidang hasil pertanian melibatkan, paling asas, penambahan pengeluaran dan mengurangkan pertumbuhan penduduk. Oleh itu, walaupun di negara-negara Asia terdapat pertumbuhan pengeluaran hasil padi sejak sepuluh tahun kebelakangan ini, iaitu sebanyak 2.6%, tetapi kadar pertumbuhan penduduk adalah lebih tinggi daripada itu. Kadar



Pertambahan penduduk pada masa yang sama adalah 3% setahun. Yang menimbulkan persoalan dan yang ditakutkan ialah adakah pertambahan padi sebanyak 2.6% setahun itu dapat memenuhi dan menampung permintaan kepada beras yang disebabkan oleh pertambahan penduduk sebanyak 3% setahun itu.<sup>1</sup>

Mengikut data daripada "FAO Production Year 1966", luas kawasan di tanam dengan padi di Asia dan Timur Jauh bertambah lebih kurang 13.3% dalam jangka masa sepuluh tahun, iaitu dari tahun 1954/55 hingga 1964/65 (atau 1.33% setahun).

Bagi pertambahan hasil padi pula untuk tiap-tiap sehectar bagi jangka masa yang sama ialah 11.3% (atau 1.13% setahun). Dalam kebanyakan negara-negara itu, pertambahan hasil padi adalah disebabkan pertambahan kepada luas sawah padi dan bukan disebabkan oleh tanaman padi yang intensif di atas sawah padi yang telah sedia ada.

Data di muka surat 3 menunjukkan dari tahun 1969-1970, hanya di India, Indonesia, Pakistan Barat dan Filipina sahaja terdapat pertambahan padi, di mana lebih daripada 50% pertambahan itu adalah disebabkan oleh pertambahan pengeluaran (yield) pada satu-satu ekar.

Asia mengeluarkan 55% daripada hasil pengeluaran padi dunia. Pentingnya tanaman padi dalam sektor pertanian di Asia jelas kerana tanaman utama di kebanyakan kawasan di Asia ialah padi. Jadual 1.2 di muka surat 4 menunjukkan luas kawasan ditanam dengan padi dalam satu negara berbanding dengan keseluruhan kawasan pertanian.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Professor Udhis Narkswandi, "A Report to the Malaysian Government on the Rice Economy of West Malaysia", FAO Rome, 1966, m.s. 1

<sup>2</sup>The Asian Development Bank (ADB) "Asian Agricultural Survey", Tokyo University Press, 1969, m.s. 145

Jadual 1.1

## PERTAMBAHAN PENGELUARAN PADI

Negara	Hasil Tahunan (1,000 ton)		Pertambahan %	Perubahan Kerana Bertambah	
	1960-1964	1968-1969		Kawasan (%)	Pengeluaran (%)
Burma	7,925	8,187	3	100	-
Ceylon	963	1,346	40	87	13
Malaysia	840	1,344	60	77	23
India	53,105	61,351	16	39	61
Indonesia	12,718	16,577	30	40	60
Bangladesh	14,702	17,259	17	69	31
Pakistan Barat	1,837	3,417	86	34	66
Filipina	3,883	4,857	25	20	80
Thailand	10,074	12,300	22	89	11

Punca: US Department of Agriculture and  
Government of Pakistan.



Jadual 1.2

PERATUS LUAS SAWAH PADI

<u>Negara</u>	<u>Ditanam Padi (%)</u>
Vietnam Selatan	84
Thailand	60
Taiwan	60
Laos	54
Nepal	54
Pakistan	45
Indonesia	42
Korea	41
Ceylon	31
India	26
Filipina	20
Malaysia	13
Afghanistan	6

Penanaman Padi Di Malaysia

Luas kawasan Malaysia Barat ialah 50,806 batu persegi, 17% daripadanya adalah di bawah pertanian, sementara 73% masih dipenuhi hutan belantara. 17% itu adalah dianggarkan bersamaan dengan 6.1 juta ekar.

Dari jumlah seluas itu, getah mengambil keluasan yang besar iaitu sebanyak 69%, diikuti dengan padi sebanyak 13% dan yang bakinya ditanam dengan kelapa, kelapa sawit dan lain-lain tanaman.

Pertanian menghasilkan 40-50% daripada Pendapatan Negara, tetapi jumlah nilai pengeluaran padi hanya 4-5% daripada Jumlah Bersih Pendapatan Dalam Negara.

Nasi masih menjadi makanan utama di seluruh Malaysia Barat.

Makanan orang Malaysia mengandungi dua perkara, yang pertama pentingnya ialah nasi dan yang kedua, yang juga dimakan bersama nasi ialah daging, telur, ikan, sayur-sayoran, buah-buahan dan lain-lain bahan.

Dalam tahun 1960, adalah dianggarkan bahawa nasi mengambil sebahagian besar daripada makanan harian sesaorang di Malaysia, iaitu sebanyak 314 gm. atau 40%. Mengikut kadar itu, tiap-tiap seorang Malaysia akan menggunakan 115 kgm. nasi setahun. Dengan jumlah penduduk di Malaysia sebanyak 8 juta, negara ini akan memerlukan lebih kurang 920,000 ton beras setahun. Tetapi Malaysia hanya mengeluarkan sebanyak 500,00-600,000 ton beras setahun. Oleh itu di antara 300,000-400,000 ton beras terpaksa diimport dari luar negeri tiap-tiap tahun.

Pergantungan bahan makanan seperti beras dari negara luar adalah sangat merbahaya, dan Malaysia belum dapat melupakan kepahitan yang dialami dalam masa Perang Dunia II dahulu di mana bahan itu terputus. Oleh itu kerajaan telah mengambil langkah yang positif untuk menambah pengeluaran padi, seperti pembinaan beberapa projek pengairan untuk membolehkan tanaman padi dua kali setahun diusahakan. Projek-projek terbesar di Malaysia dibina di Kedah, dikenali dengan nama Projek Pengairan MUDA, dan yang kedua besarnya dibina di Kelantan iaitu Projek Pengairan KEMUBU dan lain-lain projek pengairan dibina di kawasan sawah padi di seluruh Malaysia.

Selain daripada itu, baja padi diberi subsidi oleh kerajaan pada tingkat 30% daripada harga pasaran, benih padi jangka pendek diberi percuma kepada petani yang pertama kali menanam dua kali setahun, 'pesticide' dan 'insecticide' diberi percuma atau diberi subsidi.

Dalam tahun 1973, pengeluaran padi adalah dianggarkan bertambah 8% daripada hasil tahun 1972. Oleh kerana terdapat kekurangan padi di pasaran dunia, harga padi di pasaran dunia menjadi lebih tinggi daripada



Jadual 1.3

BAHAN MAKANAN HARIAN PENDUDUK MALAYSIA<sup>3</sup>

Bahan Makanan	Diperlukan oleh Sesaorang	
	Sehari (gm)	%
Nasi	314.0	40.0%
Buahan/Sayuran	120.3	15.3
Ikan	94.5	12.0
Lain-lain <sup>4</sup>	256.8	32.7

di Malaysia. Untuk mengelak daripada bergantung kepada impot beras, kerajaan telah menyemak semula dasarnya, iaitu untuk menghasil padi supaya memenuhi 100% keperluan negara dan tidak lagi hanya setakat 90% keperluan<sup>5</sup>.

Melihat pada peratus pertambahan penduduk iaitu 3.1% setahun, dan dibanding dengan peratus pertambahan hasil beras negara, didapati Malaysia akan menjadi negara yang "self-sufficient" dalam bahan itu tidak lama lagi.

Untuk kekal ditahap itu, kerajaan telah membelanja berjuta-juta ringgit, dan mengikut Rancangan Malaysia Kedua<sup>6</sup> "estimated actual expenditure"

<sup>3</sup> Disesuai daripada laporan oleh Prof. Udhis Narkswandi, "A Report to Malaysian Government on the Rice Economy of West Malaysia", FAO Rome, 1966, m.s. 3.

<sup>4</sup> Dalam kategori ini termasuk kanji, gula, daging, telur, ikan susu, minyak, sayur, lemak binatang dan lain-lain biji-bijian.

<sup>5</sup> Jabatan Penerangan Malaysia, The 1974 Budget.

<sup>6</sup> Malaysia, 2nd Malaysia Plan, Government Press 1971, m.s. 28

dalam bidang pertanian dan pembangunan luarbandar ialah \$1,114.1 juta, sebanyak \$342.6 juta dibelanjakan dalam bidang "Drainage and Irrigation".

Untuk mengimbang kedudukan, pertambahan penduduk perlu diturunkan. Adalah dianggarkan pada tahun 1975, pengguna Perancang Keluarga akan bertambah ke angka 267,000 orang berbanding dengan jumlah 105,000 orang dalam tahun 1971. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$213.65 juta bagi seluruh Malaysia dalam bidang kesihatan dan Perancang Keluarga.<sup>7</sup>

## Metodoloji

### 1. Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan melihat aspek sosial yang terjelma dari penggunaan taliair. Pengairan tidak sahaja mengujudkan masalaah pembahagian dan penerimaan air yang sempurna, tetapi akan mengujudkan masalaah sosial dari kalangan yang mengguna air itu. Taliair dianggap sebagai satu barangan kepunyaan masyarakat, oleh itu apabila air mengalir, ianya akan memberi kesan pada manusia.

Tumpuan khas kajian ini ialah melihat:-

- (i) Perhubungan antara pihak Kemubu Agricultural Development Authority (KADA) dengan petani.
- (ii) Kooperasi di kalangan petani
- (iii) Kesanggupan dan kecenderongan petani membayar Cukai Air.
- (iv) Penggunaan cara moden dalam menanam padi.
- (v) Penilaian petani terhadap taliair.

### 2. Tempat Kajian

Dua buah kampung dalam Yunit Pertanian Kecil (YPK) Padang

---

<sup>7</sup> Ibid, m.s. 255



Enggang telah diambil untuk dijadikan tempat kajian. Kedua-dua kampung itu ialah Kampung Padang Enggang dan Kampung Rumpek. Kampung-kampung ini terletak berhampiran antara satu sama lain. Kawasan ini berada lebih kurang enam batu dari bandar Kota Bharu, iaitu dipersimpangan Batu 4, Jalan Kuala Krai, menghala ke kiri sejauh dua batu lagi.

Keseluruhan kawasan ini adalah kawasan sawah padi dengan beberapa kelompok kawasan perumahan petani-petani. Kawasan ini diairi oleh Projek Pengairan KEMUBU dan petani-petani dapat mengusahakan tanaman dua kali setahun.

Keluasan kedua-dua kampung ini ialah lebih kurang dua batu persegi. Dalam YPK Padang Enggang ini terdapat 480 buah rumah dengan 380 keluarga. Bilangan yang menjadi petani secara tetap ialah seramai 760 orang. YPK Padang Enggang adalah sebahagian kecil daripada kawasan Projek Pengairan KEMUBU dan luas sawah padi yang ditanam dengan padi "musim" dan padi "luar musim" bagi tahun 1972 dan 1973 ialah 960 ekar.<sup>8</sup>

### 3. Bidang Kajian

Penanaman padi dua kali setahun dalam kawasan Pengairan KEMUBU baru saja masuk tahun ketiga. Oleh itu dalam penukaran dari sistem tanaman padi sekali setahun kepada dua kali setahun terdapat beberapa perombakan struktur dan organisasi petani-petani, oleh itu pengkaji akan membuat penelitian terhadap kesan sosial dan ekonomi petani dari perombakan struktur dan organisasi itu setelah berlaku tanaman dua kali setahun, iaitu dengan adanya Projek Pengairan KEMUBU.

Walaupun kajian ditumpu pada masa tanaman dua kali setahun, tetapi petani diminta memberi beberapa pernyataan mengenai keadaan sebelum

---

<sup>8</sup> Laporan "Area Development" bagi kawasan KEMUBU I, Pejabat Pertanian Kelantan.



adanya sistem pengairan. Ini ialah untuk membuat perbandingan mengenai masaalah yang wujud sekarang dengan masa sebelum ada sistem pengairan.

Kajian ditumpukan pada petani-petani yang tinggal dalam kampung Padang Enggang dan Kampung Rumpek. Jumlah petani yang diambil untuk kajian ialah seramai 55 orang, iaitu 27 orang dari kampung Padang Enggang dan 28 orang dari Kampung Rumpek.

Kajian dijalankan selama lebih kurang sebulan, iaitu dalam bulan April, 1974. Dalam bulan itu, petani-petani dalam kawasan ini sedang bersedia untuk menanam padi "luar musim" bagi tahun 1973/74.

#### 4. Metod Kajian

Kajian ini adalah merupakan satu "case study" yang menggunakan pendekatan sosiologi untuk mendapat data kajian. Pemilihan seramai 55 orang petani dari kawasan ini adalah dibuat secara "random sampling". Cara mendapat data ialah secara temuduga dengan mengguna soal selidik yang telah disediakan. Temuduga dengan petani-petani, seberapa yang boleh, dijalankan di rumah petani-petani sendiri, tetapi ada juga beberapa 'respondent' yang ditemuduga di sawah.

Selain daripada temuduga dengan petani, pengkaji juga mendapat data kajian daripada penghulu kedua-dua kampung itu.

Data juga diperolehi daripada pegawai-pegawai Jabatan Pertanian Kelantan, iaitu melalui temuduga secara formal atau informal dengan mereka. Akhir sekali didapati risalah-risalah keluaran Jabatan Pertanian dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI).

#### 5. Definasi Konsep - Pengairan

Dalam konteks kajian ini, pengairan akan dilihat sebagai:-

- (i) Infrastruktur yang asas - untuk menambah pengeluaran padi se ekar, taliair bersama faktor-faktor



lain seperti penggunaan baja mengikut cara tanaman yang moden dan lain-lain lagi, sangat penting. Dengan itu, ianya dianggap sebagai infrastruktur yang paling asas untuk mencapai matlamat tersebut.

(ii) Pengerak perubahan - tanpa taliair petani tidak akan dapat dipengaruhi untuk menanam dua kali setahun. Tetapi dengan ada taliair sekali pun, kalau pengawasan dan pembahagian air tidak sempurna, petani juga tidak akan mencebur diri untuk menanam dua kali setahun. Untuk menjadi pengerak pada perubahan, taliair sangat perlu, disamping pengawasan dan pembahagian yang sempurna.

(iii) Yang melibatkan manusia - manusia akan menjadi lebih rapat atau lebih renggang dengan adanya taliair. Oleh itu taliair adalah satu unsur yang akan melibat hubungan sosial manusia dalam usaha ekonomi mereka.

#### 6. Masaalah dalam Kajian

Dua masaalah yang besar dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan kajian iaitu:-

(i) Petani tidak dapat memberi jawapan yang tepat mengenai pendapatan bersih mereka daripada usaha menanam padi. Ini disebabkan mereka tidak pernah menilai dengan wang hasil tani mereka.

- (ii) Kerumitan hendak berjumpa dengan petani-petani, kerana semasa kajian dijalankan (bulan April) adalah permulaan bagi musim penanaman padi "luar misim" tahun 1973/74.

#### Cara Mengatasi Masaalah Itu

Masaalah pertama. Perbelanjaan petani dalam penanaman "padi musim" 1973/74 didapati dengan menyoal mereka secara "indirect", iaitu disoal beberapa banyak benih padi digunakan, berapa kali membaja serta jumlah karpit baja pada tiap-tiap kali membaja, berapa kali membajak dengan jentera; samaada jentera kecil atau besar, adakah mengguna tenaga upahan dan lain-lain. **soalan** yang bersangkutan dengan penyediaan bendang. Dari jawapan-jawapan itu, pengkaji akan menilaikan dengan metawang mengikut harga pasaran pada masa itu. Oleh kerana hasil tani diberi dalam jumlah gantang, pengkaji terpaksa juga menukar kepada nilai wang mengikut harga pasaran. Pendapatan bersih petani didapati dengan menolak jumlah wang digunakan dalam penyediaan bendang dari hasil padi yang didapati dari akhir satu-satu musim. Masaalah kedua: kebanyakan temuduga dijalankan di rumah petani sendiri, tetapi apa bila petani tidak berada di rumah, pengkaji berusaha mencarinya di sawah. Temuduga juga dijalankan disawah kalau didapati petani tidak seelok dengan kerja-kerja penyediaan bendang. Kalau tidak, pengkaji berjanji dengan petani untuk pergi ke rumahnya di lain masa untuk menjalankan temuduga itu.

Dalam beberapa hari pertama kajian dijalankan, pengkaji dapati petani berasa segan dan teragak-agak untuk memberi satu-satu jawapan. Mereka seolah-olah berfikir panjang untuk memberi jawapan. Tetapi selepas lebih kurang seminggu kajian dijalankan, pengkaji tidak menempuhi masaalah itu. Keujudan pengkaji dalam kampung itu tidak lagi menarik perhatian





## BAB II

### LATAR BELAKANG RANCANGAN PENGAIRAN KEMUBU

#### Kelantan - Penggunaan Tanah<sup>1</sup>

Negeri Kelantan adalah salah sebuah negeri yang terbesar di Malaysia Barat dan keluasanya adalah dianggarkan 50,806 batu persegi, atau 11.4% daripada keluasan national. Luas kawasan yang diusahakan untuk pertanian adalah 520,000 ekar, iaitu lebih kurang 14%, yang baki masih dipenuhi oleh hutan belantara, iaitu seluas 81%, kawasan paya, kawasan perumahan, perbandaran dan lain-lain seluas 5%.

Tanaman getah mengambil sebahagian besar daripada kawasan pertanian, iaitu 224,000 ekar dan padi seluas 183,000 ekar, iaitu 36%. Dalam tiap-tiap jajahan di Kelantan didapati usaha menanam padi, samaada ianya padi cedongan atau padi tugalan.<sup>2</sup>

Penduduk negeri Kelantan pada 31.12.1967 sebagaimana dianggarkan oleh Jabatan Statistik ialah 684,554 orang, iaitu lebih kurang 7.9% daripada jumlah penduduk Malaysia. Dengan itu didapati purata kepadatan penduduk Kelantan adalah sebanyak 11.3 orang bagi satu batu persegi.

Jadual 2.1 di muka surat 14 menunjukkan luas kawasan dalam tiap-tiap jajahan di Kelantan, serta kawasan pertanian dan kawasan yang diusahakan untuk tanaman padi.

Kawasan	Luas (hektar)	%
Pertanian	520,000	14.0
Hutan belantara	810,000	21.8
Kawasan paya	40,000	1.0
Kawasan perumahan	26,000	0.7
Kawasan perbandaran	26,000	0.7
Lain-lain	100,000	2.6
<b>Jumlah</b>	<b>3,520,000</b>	<b>100.0</b>

<sup>1</sup>S. Selvadurai, Ani Arope & Nik Hassani Mohamed, "Socio-Economic Study of Padi Farmers in the KEMUBU Area of Kelantan", 1968, Min. of Agriculture & Cooperation Malaysia.

<sup>2</sup>Cedongan; tugalan - lihat muka surat (dalam Bab IV, 3)



Jadual 2.1

## LUAS KAWASAN PERTANIAN DI KELANTAN

Jajahan	Luas (ekar)	Luas ditani (ekar)	Luas ditani dengan padi (ekar)
Tumpat	44,793	36,324	21,462
Pasir Mas	158,598	90,610	42,212
Tanah Merah	351,940	67,774	9,500
Ulu Kelantan	99,354	84,645	37,273
Machang	130,662	55,355	14,828
Bachok	68,753	43,386	24,648
Pasir Puteh	104,904	59,691	30,536
Jumlah	3,713,444	519,914	183,108

Punca: KEMUBU Agricultural Development Authority (KADA).

## Pengairan KEMUBU - Penggunaan Tanah

Luas kawasan dalam Projek Pengairan KEMUBU ialah 85,969 ekar, iaitu mengikut ukuran yang dibuat oleh "Present Land Use Survey" dalam tahun 1966. Data di bawah menunjukkan pecahan luas kawasan dalam kawasan Projek Pengairan KEMUBU.

Jadual 2.2

## PENGAIIRAN KEMUBU: LUAS KAWASAN

Kawasan	Luas (ekar)	%
Perbandaran	407	0.5
Di bawah Pertanian	82,041	95.4
Hutan dan Paya	3,521	4.1
Jumlah	85,969	100.0

Punca: KEMUBU Agricultural Development Authority (KADA)

Termasuk dalam kawasan Projek Pengairan ini ialah tiga buah

jajahan, iaitu Kota Bharu, Bachok dan Pasir Puteh. Luas kawasan bagi

tiap-tiap jajahan serta luas kawasan tanah padi adalah seperti berikut:-

Jadual 2.3

PENGAIIRAN KEMUBU: LUAS JAJAHAN DAN  
LUAS SAWAH PADI

Kawasan/Jajahan	Luas (ekar)	Luas Ditanam Dengan Padi (ekar)
Kota Bharu	52,200	30,100
Bachok	21,900	10,100
Pasir Puteh	12,769	9,150
Jumlah	85,969	49,350

Punca: KEMUBU Agricultural Development  
Authority (KADA).

Adalah dianggarkan, kawasan sawah padi dalam Projek Pengairan

KEMUBU ini adalah kawasan terluas sekali, iaitu 60.16% dan diikuti oleh

kebun getah seluas 18,300 ekar atau 22.31%. Jadual 2.4 menunjukkan jenis-

jenis tanaman dan luas tanaman itu di dalam kawasan ini.

Jadual 2.4

PENGAIIRAN KEMUBU: JENIS-JENIS  
TANAMAN DAN LUASNYA

Jenis Tanaman	Luas (ekar)	%
Mixed Horticulture	12,647	15.41
Getah	18,300	22.31
Kelapa	1,144	1.40
Sagu	495	0.60
Padi	49,357	60.16
Diversified Crop	98	0.12

Punca: KEMUBU Agricultural Development  
Authority (KADA)



### Perbelanjaan Rancangan Pengairan KEMUBU<sup>3</sup>

Kerja kejuruteraan bagi pembinaan Projek Pengairan ini menelan belanja lebih kurang \$76.55 juta. Selain daripada itu kerajaan membelanja lebih daripada \$3.0 juta untuk membaiki jalan kampung dalam Scheme ini. \$30.0 juta daripada jumlah perbelanjaan itu adalah dari pinjaman daripada Bank Dunia.

Kajian awal mengenai kemungkinan pembinaan Projek ini mula-mula dijalankan pada tahun 1961 oleh Firma Perunding Sir William Harcrow and Partners atas permintaan Kerajaan Malaya pada masa itu. Berikutan dengan keputusan yang memuaskan daripada kajian awal itu, ketetapan untuk membina Projek ini diambil. Penyediaan pembinaan dan kerja-kerja kejuruteraan bagi Projek ini adalah dijalankan oleh Jurutera Perunding Perancis SOGREAH di bawah arahan Jabatan Parit dan Taliair.

Satu perjanjian disediakan pada tahun 1967 oleh kerajaan Malaysia untuk melantik Firma Perunding Perancis SOGREAH untuk mengawas pembinaan projek ini. Alat-alat pengepam untuk dipasang di Rumah Pam Kemubu disediakan oleh Firma German MAN.

Kerja pembinaan Projek ini dimulakan pada lhb. Ogos, 1968 dan telah siap pada akhir tahun 1971.

### Kawasan Rancangan Pengairan KEMUBU

Kawasan Kemubu yang meliputi rancangan ini terletak di lembah dataran lanar (alluvial plains) di Pantai Timur, Utara Malaysia. Di sebelah Barat dilingkungi oleh Sungai Kelantan, dan disebelah Selatan oleh kawasan Simpanan Cabang Tongkat, manakala di sebelah Timur oleh Lautan Cina Selatan.

---

<sup>3</sup>Jabatan Penerangan Malaysia, Kemubu Irrigation Scheme, Kementerian Penerangan, Percetakan Lai Than Fong, K.L. m.s. 3-7



Dengan lain perkataan, kawasan projek ini terletak di Dataran Kelantan (Kelantan Plain) dan mempunyai keluasan lebih kurang 600 batu persegi. Rancangan Pengairan Kemubu akan dapat membekal kemudahan taliair untuk menanam dua kali setahun bagi 47,000 ekar sawah padi. Ini merupakan usaha kerajaan dalam projek Pembangunan Luarbandar dan langkah untuk menuju kepada matlamat mencukupi beras untuk keperluan negara.

Sebelum adanya Projek ini, mata pencarian utama penduduk di kawasan ini ialah menanam padi dan menternak binatang. Sebagai tambahan mereka menanam tembakau, getah, kelapa dan buah-buahan. Tidak keterlaluan kalau dikatakan mereka itu bergantung 100% pada air hujan bagi kejayaan mereka dalam usaha bertani itu. Tetapi disetengah-setengah tempat terdapat juga petani-petani yang menahan air dari anak-anak sungai dengan menyalur air itu melalui alor yang penuh semak dan tumbuhan-tumbuhan, dan terusan-terusan yang primitif. Oleh sebab bergantung kepada musim hujan yang tidak tetap, kadangkala penanaman padi terpaksa ditangguhkan oleh kerana terlampau banyak air atau kekurangan air. Ada pula di tempat-tempat lain, di mana tanaman padi tidak dapat dijalankan oleh sebab kemarau panjang atau banjir melanda.

Memandangkan hakikat ini, usaha untuk mengatasi masalah itu dijalankan. Sejak beberapa tahun yang lampau, beberapa projek mengepam air telah dibina seperti Taliair Salor, Taliair Pasir Mas dan Taliair Sungai Lemal. Dengan siapnya Projek Pengairan Kemubu ini, bererti keluasan sawah padi yang dapat diusahakan dua kali setahun akan bertambah.

#### Luas Sawah Dalam Kawasan KEMUBU

Keluasan **bendang** dalam projek Pengairan Kemubu ini ialah 47,000 ekar, secara kasar dapat dibahagi kepada tiga bahagian.

(a) Seluas 6,000 ekar yang pada sekarang ini mendapat



bekalan air dari tiga rancangan taliari kecil, iaitu taliair Bukit Abal, Teratak Pulai dan Sungai Denau. Kawasan ini hanya mencukupi untuk penanaman padi sekali setahun sahaja.

- (b) Kawasan Seluas 2,000 ekar yang menerima air daripada Rancangan Taliair Salor, juga mencukupi untuk menanam sekali setahun.
- (c) Baki kawasan seluas 39,000 ekar bergantung 100% kepada air hujan. Penanaman padi ditentukan samaada air hujan mencukupi atau tidak.

#### Keterangan Mengenai Projek ini

Kerja-kerja pembinaan mengandungi pemasangan sebuah rumah pam, menggali terusan-terusan air, membina Ampangan dan Cawangan Parit Air. Bekalan air diambil dari Sungai Kelantan, dipam kedalam taliair dan dari situ disalor ke dalam parit-parit besar dan kecil seluruh kawasan rancangan.

Rumah Pam: Ianya dibina disebelah kanan Sungai Kelantan, iaitu di Kuala Sungai Kemubu. Rumah Pam ini akan dilengkapi dengan 5 (lima) buah Pam Minyak Disel. Tiap-tiap sebuah pam dapat mengepam sebanyak 250 kubik kaki air se saat. Adalah dianggarkan 4 buah pam adalah mencukupi untuk mengepam air kepada seluruh kawasan, manakala pam yang ke 5 itu adalah sebagai "simpanan" sahaja. Air yang dipam itu dilepas ke dalam tiga taliair besar tiap-tiap satu membekal air kepada satu kawasan dalam Projek ini.

#### Kawasan Satu: Taliair Kelantan

Taliair Kelantan dapat membekalkan air kepada kira-kira 13,930 ekar sawah padi yang terletak di antara Sungai Kelantan dan Sungai Ketereh.

#### Kawasan Dua: Taliair Selatan

Kawasan ini terletak ditenggara Rancangan ini dan diairkan oleh Taliair Selatan, iaitu seluas 20,830 ekar.

#### Kawasan Tiga: Taliair Peringat/Banggu

Luas kawasan ini ialah kira-kira 12,240 ekar dan terletak di timur-laut Rancangan. Bekalan air datang dari Taliair Peringat/Banggu.

Dari Taliair Besar, air akan disalurkan kepada Taliair-taliair sederhana dan seterusnya ke taliair kecil. Air untuk semua sawah dalam Rancangan ini disalurkan oleh Taliair Kecil yang membawa kepada 'field channel' yang kemudiannya membawa air ke suatu kemuncak yang paling tinggi dalam kawasan pengairan. Dari situ air mengalir mengikut tarikan 'gravity' ke kawasan yang paling rendah sehingga ke parit yang menghabiskan.


Untuk mengelak banjir dari Sungai Kelantan memasuki kawasan pengairan Kemubu, benteng dibina di sebelah kanan tebing Sungai Kelantan iaitu disepanjang Terusan Selatan.





## RANCANGAN PENGAYERAN KEMUBU

(PELAN SUSUNAN)



### BAB III

#### LATAR BELAKANG SOSIO-EKONOMI PETANI

##### Umur Petani

Dalam kawasan ini tidak kedapatan anak-anak muda yang berumur belasan tahun atau dua puluhan tahun bekerja di sawah padi. Kesemua petani-petani adalah berumur lebih daripada tiga puluh tahun. 60% dari mereka adalah dalam lingkungan umur empat puluhan. Purata umur mereka ialah lebih kurang 46 tahun.

Pemuda-pemuda di kawasan ini, iaitu mereka berumur dua puluhan tidak tertarik dengan kerja sawah. Ini mungkin kerana mereka menilai rendah kerja bercucuk tanam dan tidak dapat menjamin hidup masa depan mereka. Oleh itu, kerja bercucuk tanam ini diserahkan kepada ibu bapa mereka sahaja.

Pengkaji mendapat tahu bahawa terdapat ramai juga pemuda yang telah tamat persekolahan dan masih tidak mempunyai kerja yang tetap, tetapi mereka ini enggan turun ke sawah. Mereka lebih suka mencari kerja di bandar sebagai buruh kasar, budak pejabat, pemandu van dan lori, dan lain-lain kerja yang bukan kerja tani.

Jadual 3.1

##### LINGKONGAN UMUR PETANI-PETANI

Umur (Tahun)	Bilangan	%
30 - 39	7	12.7
40 - 49	33	60.0
50 ke atas	15	27.3
Jumlah	55	100.0



## Bilangan Keluarga

Purata size satu-satu keluarga petani di kawasan ini ialah 5.3 orang. Pada kebiasaannya dalam satu-satu keluarga tani mengandungi petani, isterinya dan dua atau tiga orang anak-anak mereka.

Jadual 3.2

### SIZE SATU-SATU KELUARGA TANI

<u>Jumlah Dalam Satu Keluarga</u>	<u>Peratus</u>
1 - 2 orang	1.8%
3 - 4 orang	30.9%
5 - 6 orang	43.9%
7 - 8 orang	18.2%
9 ke atas	5.2%
Jumlah	100.0%
	=====

Bilangan keluarga yang dinyatakan di atas adalah termasuk petani sendiri. Semasa kajian dijalankan didapati di kalangan petani yang mempunyai anak lebih daripada enam orang, ada di antara anak-anak mereka itu telah berumah tangga dan tidak lagi tinggal bersama ibu bapa mereka.

## Pelajaran

Dari segi pendidikan, statistik menunjukkan keadaan yang berikut:-

Jadual 3.3

### TINGKAT PERSEKOLAHAN PETANI

<u>Tingkat Persekolahan Petani</u>	<u>Peratus</u>
Tidak Bersekolah	49.1%
Sekolah Pondok/Dewasa	10.1%
Sekolah: Darjah 1-3	25.0%
Sekolah: Darjah 4-6	15.8%
Jumlah	100.0%
	=====

Jelas dari data di atas didapati petani-petani yang tidak mendapat pendidikan yang formal adalah tinggi (49.1%) dan dikalangan mereka yang pernah ke bangku sekolah, tidak seorangpun sampai ke sekolah menengah. Dengan lain-lain perkataan, petani yang boleh membaca dan menulis hanyalah 50.9% dan yang baki itu adalah buta-huruf.

Walaupun sejumlah besar petani tidak mendapat pendidikan yang formal, tetapi didapati kesemua anak-anak mereka dalam lingkungan umur persekolahan berada di bangku sekolah sekarang. Ini adalah satu perubahan sikap dikalangan petani sekelian.

#### Pekerjaan Utama dan Sambilan Petani

Petani dalam kajian ini adalah ditaarifkan sebagai mereka yang mengerjakan sawah padi, samaada kerja itu kerja utama atau kerja sambilan sahaja.

Di kalangan petani yang ditemuduga, didapati 9.2% daripada mereka menjalankan pekerjaan seperti bertukang rumah, menjadi buruh kasar, berniaga kecil-kecilan dan bekerja dengan kerajaan atau swasta sebagai kerja utama mereka. 90.8% pula bergantung kepada sawah padi sebagai kerja utama dan untuk menyara hidup mereka.

Tetapi oleh kerana keluasa sawah padi bagi tiap-tiap satu keluarga tani adalah terlalu kecil, iaitu 1.73 ekar, petani-petani itu menjalankan usaha-usaha sambilan untuk menambah lagi pendapatan mereka. Kerja sambilan petani itu termasuklah menoreh getah, menarik beca, menjadi buruh kasar dan lain-lain kerja kampung seperti menanam sayur-sayuran dan menternak ayam itek di keliling rumah mereka.

Di kalangan petani-petani yang menanam padi sebagai kerja utama mereka, berbagai kerja sambilan dan peratus mereka yang terlibat adalah seperti berikut:-



Jadual 3.4

## KERJA SAMBILAN PETANI

<u>Jenis Kerja</u>	<u>Peratus</u>
Menorek Getah	9.4%
Menarik Beca	7.4%
Buruh Kasar	4.7%
Berniaga Kecil	3.8%
Kerja Kampong	74.7%

Dalam kategory "kerja kampong" kerja-kerja sambilan itu termasuk menternak ayam itek, menanam sayur-sayuran dan 'mencoteng' (mewarna) kain batek.

Pendapatan dari usaha menanam padi sebagai kerja utama adalah lebih rendah daripada usaha-usaha lain daripada menanam padi sebagai kerja utama. Bagi mereka yang menganggap usaha menanam padi sebagai kerja utama, mereka hanya mendapat lebih kurang \$40.00 sebulan, dan dari kerja sambilan mereka ("kerja kampong") mereka hanya dapat lebih kurang \$5.00 sebulan. Tetapi bagi mereka yang mengerjakan usaha-usaha lain selain daripada menanam padi sebagai kerja utama, iaitu seperti bertukang rumah, berniaga dan makan gaji dengan kerajaan atau swasta, pendapatan mereka adalah lebih kurang \$100.00 sebulan, dan dari kerja sambilan mereka adalah sebanyak \$40.00 sebulan.

Dari kenyataan di atas, didapati petani yang menumpu sepenuh masa untuk penanaman padi dan membuat kerja kampong, hanya mendapat lebih kurang \$45.00 sebulan. Bagi mereka yang mempunyai kerja yang di luar dari bidang pertanian di samping mengerjakan usaha pertanian, pendapatan mereka adalah lebih lumayan, iaitu lebih kurang \$140.00 sebulan.

Sebagaimana yang dinyatakan, pendapatan dari usaha menanam



Jadual 3.5

PENDAPATAN DARI KERJA UTAMA  
DAN SAMBILAN

Pendapatan Sebulan (\$)	Bilangan Petani	Peratus
0 - 50	34	61.8
51- 100	19	34.6
101 - 150	1	1.8
151 - 200	1	1.8

padi adalah lebih rendah dari usaha-usaha di bidang lain. Ini adalah disebabkan harga yang mahal yang terpaksa dibayar oleh petani untuk membajak dan membaja sawah mereka, dan tambahan pula disebabkan oleh pemasaran beras yang kurang teratur.

Tertubuhnya Lembaga Persatuan Peladang (LPP) di kawasan ini belum dapat mengatasi masalaah harga baja yang mahal, dan jauh sekali dapat menolong petani dalam masalaah membajak. LPP tidak mempunyai jentera pembajak yang cukup untuk menolong ahlinya dari tertindas oleh pemilik jentera pembajak yang mengenakan upah yang tinggi untuk membajak.

Selagi masalaah harga baja dan upah membajak itu mahal, selagi itulah pendapatan petani akan berada di tingkat yang rendah walaupun petani-petani berjaya dalam tanaman padi dua kali setahun mereka.

Dengan itu, kalau masalaah ini berlanjutan, mungkin pada suatu hari nanti semakin kurang penduduk tempatan yang cenderung kepada penanaman padi, tetapi akan lebih berminat kepada kerja-kerja di luar bidang pertanian.

#### Pemilikan Tanah

Untuk tujuan kajian ini petani-petani di bahagikan kepada tiga



kumpulan iaitu:-

- (i) Petani-pemilik (owner-farmer)
- (ii) Petani-penyewa (tenant-farmer)
- (iii) Petani-pemilik-penyewa (owner-tenant)

Petani Pemilik: dapat ditaarifkan sebagai petani-petani yang mengusaha sawah padi milikan mereka sendiri.

Petani-Penyewa: adalah petani-petani yang menyewa atau memawah tanah orang lain untuk diusaha, ini disebabkan mereka tidak mempunyai tanah sawah sendiri.

Petani-Pemilik-Penyewa: adalah petani-petani yang menyewa atau memawah tanah orang lain untuk diusahakan selain daripada mengusaha tanah milikan sendiri.

Dalam YPK Padang Enggang ini, peratus petani-petani yang tergolong ke dalam tiga kumpulan itu adalah seperti di bawah:-

Jadual 3.6

KATEGORI PETANI

Kumpulan Petani	Bilangan	Peratus
Petani- Pemilik	28	50.9
Petani-Penyewa	15	27.3
Petani-Pemilik-Penyewa	12	21.8

Dengan itu didapati kebanyakan petani-petani di kawasan ini memilik tanah sawah sendiri untuk diusahakan dengan tanaman padi, iaitu peratus mereka ialah 72.7% (Petani-Pemilik 50.9% dan Petani-Pemilik-Penyewa 21.8%). Walau bagaimanapun keluasan tanah yang diusahakan mereka adalah terlalu kecil dan tidak ekonomikal. Purata luas sawah yang diusahakan oleh tiap-tiap kumpulan petani itu dinyatakan di bawah ini:-



Jadual 3.7

PENGUSAHAAN TANAH I

<u>Kumpulan Petani</u>	<u>Luas Tanah Di Usahakan</u>
Petani-pemilik	1.08 ekar
Petani-penyewa	0.84 ekar
Petani-pemilik-penyewa	1.40 ekar

Luas tanah yang diusahakan oleh petani-pemilik adalah tanah yang dimiliki mereka sendiri, tetapi bagi petani-penyewa, tanah yang diusahakan itu adalah tanah sewaan semata-mata, dan bagi petani-pemilik-penyewa, 0.6 ekar daripada 1.4 ekar yang diusahakan adalah tanah yang dimiliki sendiri.

Dari Jadual 3.7 di atas, jelas menunjukkan petani yang mengusahakan sawah yang luas sekali adalah dari kumpulan "Petani pemilik-Penyewa". Ini adalah kerana mereka menyewa/memawah sawah orang lain disamping mengusahakan tanah mereka sendiri. Gambaran ini dapat diperhatikan diseluruh kawasan Projek Pengairan Kemubu dan lain-lain kawasan tanah padi diseluruh negara.<sup>1</sup> Purata keluasan sawah padi yang diusahakan oleh ke tiga-tiga kumpulan itu ialah 1.73 ekar sahaja.

Tetapi Selvadurai<sup>2</sup> dalam kajian beliau telah menunjukkan keluasan tanah yang diusahakan oleh ke tiga-tiga kumpulan itu ialah seperti

---

<sup>1</sup> S. Selvadurai, Ani Arope & Nik Hassani Mohammad, Socio-Economic Study of Padi Farms in the Kemubu Area of Kelantan, 1968, Ministry of Agriculture & Co-operative Malaysia, m.s. 59,

<sup>2</sup> Ibid m.s. 59



berikut:-

Jadual 3.8

PENGUSAHAAN TANAH II

<u>Kumpulan Petani</u>	<u>Luas Diusahakan (ekar)</u>
Petani-pemilik	1.90
Petani-penyewa	2.38
Petani-Pemilik-Penyewa	2.87

Purata keluasan sawah padi yang diusahakan oleh ketiga-tiga kumpulan itu ialah seluas 2.2 ekar, 1.4 ekar daripadanya dimiliki dan 0.8 ekar disewa/pawah.

Walau bagaimanapun data kajian yang diperolehi oleh T.B. Wilson dalam tahun 1954 menunjukkan 56.7% daripada tanah pertanian padi di Kelantan adalah dimiliki oleh petani sendiri. Tetapi dalam kajian yang baru pula dalam tahun 1960, didapati hanya 28% sahaja daripada tanah pertanian padi dimiliki sendiri oleh petani<sup>3</sup>.

Perbedaan yang terdapat dikalangan pemilik tanah pertanian padi di peringkat negeri dengan peringkat YPK Padang Enggang mungkin disebabkan oleh pembahagian tanah mengikut hukum Faraid kepada anak-anak petani itu mengerjakan tanah itu sendiri, maka mereka telah termasuk ke dalam kumpulan petani-pemilik, atau petani-pemilik-penyewa sekiranya mereka menyewa/pawah tanah orang lain pula.

Satu lagi yang menarik perhatian ialah keluasan sawah yang diusahakan oleh satu-satu keluarga tani. Mengikut kajian Selvadurai dalam tahun 1968, purata keluasan tanah padi ialah 2.2 ekar, tetapi mengikut

---

<sup>3</sup> T.B. Wilson, "The Economics of Padi Production in North Malaysia, Part I", June 1968, P.11, sebagai disebut oleh Abdul Aziz bin Ibrahim dalam "penanaman Padi dua Kali Setahun" Graduation Exercise, Universiti Malaya 1970/71.



data yang dikumpulkan oleh pengkaji, purata hanya 1.73 ekar sahaja. Ini dengan jelas menunjukkan keluasan sawah padi bagi tiap-tiap keluarga tani semakin kecil, ini juga mungkin disebabkan oleh pembahagian tanah mengikut hukum Faraid itu.

#### Menyewa/Memawah Tanah Pertanian Padi

Penyewaan/pemawahan tanah padi sangat ketera di kawasan Pengairan Kemubu dan di lain-lain kawasan penanaman padi di Kelantan. Petani-petani yang tergolong ke dalam kumpulan petani-penyewa dan petani-pemilik-penyewa adalah sebanyak 49.1%.

Perjanjian antara tuan tanah dengan penyewa/pemawah tanah ialah pembayaran itu dibuat samaada dalam bentuk wang tunai atau kebendaan (pada kebiasaannya padi).

Dari jumlah 49.1% petani yang tergolong dalam kumpulan ini, didapati 3.4% menyewa tanah pertanian padi itu, dengan bayaran lebih kurang \$30.00 semusim tanaman padi. 96.6% yang baki membayar dalam bentuk padi, iaitu mengikut kadar pembahagian 50-50 untuk tuan tanah dan petani.

Semua perjanjian tidak dibuat secara bertulis, tetapi antara mereka, perjanjian itu dipatuhi walaupun dibuat secara lisan sahaja. Di antara perjanjian lisan yang dapat dikesan ialah perjanjian dalam penyediaan sawah, pengangkutan/penghantaran padi selepas dituai dan jenis-jenis pembahagian padi.

Dalam perjanjian yang dibuat untuk menyedia tanah padi, didapati 92.6% daripada petani-petani di kawasan ini mesti membiayai belanja menyedia sawah, samaada diguna tenaga binatang atau jentera pembajak. Hanya 7.4% daripada petani menyatakan mereka berkungsi dengan tuan tanah untuk membiayai belanja penyediaan sawah itu.

Dalam masaalah membiayai kegunaan baja dalam sawah padi, di-



didapati belanja membaja kebanyakannya ditanggung oleh tuan tanah, iaitu didapati 74.3% daripada petani menyatakan tuan tanah membeli baja kegunaan sawah yang dipawah/sewa mereka. Hanya 25.7% sahaja daripada mereka menyatakan mereka berkungsi dengan tuan tanah untuk membeli baja yang digunakan.

Dalam masaalah pengangkutan/penghantaran padi yang sudah dituai, didapati kebanyakan daripada petani yang menyewa/memawah tanah padi menghantar padi ke rumah tuan tanah, dan belanja pengangkutan itu dibayar oleh tuan tanah. Peratus petani yang berbuat demikian ialah 44.4%. Tetapi ada juga padi yang telah dituai itu diambil sendiri oleh tuan tanah di rumah petani, dan peratus petani yang mengikat perjanjian begitu ialah sebanyak 40.8%, dan yang baki sebanyak 14.8% daripada petani-petani menyatakan, mengikut perjanjian mereka, padi yang dituai itu hendaklah dihantar oleh petani dengan belanja mereka sendiri.

Jadual 3.9

**PERJANJIAN PEMAWAHAN  
PERBELANJAAN MENYEDIA SAWAH**

<u>Belanja Dibiayai Oleh</u>	<u>Peratus</u>
Petani	92.6
Tuan Tanah	Tiada
Berkungsi (tuan tanah dan Pemawah)	7.4
Jumlah	100.0 =====

**PERBELANJAAN MENGGUNA BAJA**

<u>Belanja Dibiayai Oleh</u>	<u>Peratus</u>
Petani	Tiada
Tuan Tanah	74.3
Berkungsi (tuan tanah dan pemawah)	25.7
Jumlah	100.0 =====

PERBELANJAAN PENGANGKUTAN  
PENGHANTARAN PADI

<u>Dihantar dan Dibiayai Oleh:</u>	<u>Peratus</u>
Petani	14.8
Dihantar oleh petani/ Dibiayai oleh tuan tanah	44.4
Diambil sendiri oleh tuan tanah	<u>40.8</u>
Jumlah	100.0
	=====

Sebagaimana yang telah dinyatakan, pembahagian hasil padi adalah pada kadar 50-50, tetapi kedapatan juga tuan tanah tidak memperhitong sangat kadar pembahagian itu. Hal ini berlaku apabila pemawah tanah padi itu terdiri daripada saudara mara tuan tanah sendiri. Mengikut setengah-setengah tuan tanah yang memberi pawah tanah mereka kepada saudara mara mereka, adalah kurang wajar untuk memperhitong dan mematohi sangat kepada kadar pembahagian itu. Ini mengikut mereka adalah satu cara menolong saudara mara mereka yang susah itu. Walaupun tidak ada kadar pembahagian yang tetap, tetapi adalah difahamkan petani-petani selalunya mendapat bahagian yang lebih daripada tuan tanah.

Keadaan demikian wujud di kalangan petani-petani yang ada kaitan persaudaraan dengan tuan tanah. Satu perkara yang menarik perhatian di sini ialah tuan-tanah lebih suka memberi pawah tanah mereka kepada saudara mara mereka atau kepada petani yang telah dikenali beberapa tahun oleh tuan tanah itu.

Dalam kawasan ini, perhubungan demikian sangat jelas; didapati 55.5% daripada petani yang memawah tanah adalah bersaudara dengan tuan tanah itu, dan bakinya itu adalah petani yang mempunyai hubungan sosial dengan tuan tanah yang rapat.



Dari segi kelamaan dalam mengerjakan tanah pawahan itu, didapati 52.4% daripada pemawah telah mengerjakan tanah yang sama sudah lebih daripada 5 tahun yang lalu, dan 47.6% daripada pemawah itu sudah mengerjakan tanah pawahan itu kira-kira 1 hingga 4 tahun yang sudah.

Di sini dapatlah dibuat rumusan bahawa apabila seseorang tuan tanah memberi tanah mereka untuk dipawah kepada seseorang petani tertentu, jarang sekali kedapatan tanah yang dipawah itu diberi kepada petani lain untuk dipawahkan. Keadaan ini timbul disebabkan oleh perhubungan persaudaraan dan perhubungan sosial yang rapat di antara petani dengan tuan tanah. Untuk merombak jalinan yang telah wujud itu mungkin akan menimbulkan rasa tidak senang di kalangan kedua-dua pihak.

Dengan itu sistem pawah ini, selain daripada memberi peluang kepada "petani-penyewa" dan "petani-pemilik-penyewa" menambah hasil pendapatan mereka juga telah mengujudkan satu hubungan yang harmoni di antara petani-petani dengan tuan-tuan tanah, di mana tidak kurang juga tuan tanah itu adalah "absentee-landlord" yang tinggal di bandar.<sup>4</sup>

Dalam sistem pemawahan itu, petani-petani yang memawah tanah adalah bertanggung jawab ke atas tanah itu dari peringkat penyediaan bendang hingga menuai. Bagi pihak tuan tanah, mereka hanya akan menerima hasil bersih padi itu sahaja tanpa membuat apa-apa kerja.

Walaupun begitu terdapat sejenis variasi daripada sistem pawah yang am itu, iaitu pembahagian padi dibuat sebelum padi itu masak. Pembahagian dijalankan sesudah sahaja divedung (transplant), masing-masing tuan tanah dan pemawah mengawasi bahagian masing-masing. Dalam jenis

---

<sup>4</sup> Ujud seolah-olah hubungan "Patron-Client" Rujuk M. Kenny, "Patterns of Patronage in Spain", Authr. Quarterly, Vol. 33, 1960.

ini hanya membajak tanah dan mencedong dilakukan oleh pemawah, peringkat selepas mencedong sehingga menuai diawasi oleh tuan tanah dan pemawah sendirian, iaitu termasuk membiayai harga membaja dan pengangkutan.

Variasi ini wujud kerana dalam kawasan ini terdapat beberapa orang petani-pemilik yang berasa mereka tidak terdaya mengerjakan tanah mereka sendiri. Oleh itu mereka memberi pawah sebahagian daripada tanah mereka kepada saudara mara mereka, dan sebahagian lagi disediakan sendiri. Tetapi setelah selesai tanah pawah divedong, ianya dibahagi dua, masing-masing tuan tanah dan pemawah mendapat satu bahagian. Pemawahan yang dibuat secara ini adalah di antara tuan tanah dan pemawah yang tinggal se kampung.



## BAB IV

### KEGIATAN PENANAMAN PADI

#### Sawah "Pameran dan Tunjukajar" Pejabat Pertanian (Agricultural Demonstration Plot)

Membina taliair dalam satu-satu kawasan tidak akan membawa erti kalau petani tidak mengguna air itu untuk tanaman padi dua kali setahun. Sebelum petani dapat mencebor untuk tanam padi dua kali setahun, mereka perlu diberi tahu tentang padi jangka pendik, nasihat-nasihat dan cara-cara penanaman padi yang moden.

Untuk menyelesaikan masalaah tersebut, Pejabat Pertanian kerap kali mengadakan "sawah pameran dan tunjukajar" ("demonstration plot") di beberapa tempat dalam kawasan Rancangan Pengairan Kemubu iaitu bertujuan untuk memperkenalkan dan menghebahkan kepada petani-petani cara-cara penanaman dan pengawasan padi cara moden yang dikehendakki oleh pihak Jabatan Pertanian. Sawah "demonstration" itu dijalankan sepanjang satu-satu musim penanaman padi, iaitu bermula dari penyediaan bendang dan benih padi sehingga menuai padi yang ditanam itu.

Sawah "demonstration" yang diadakan dalam kawasan kajian ini dijalankan dalam tahun 1972, iaitu untuk penanaman padi "luar musim". Untuk sawah "demonstration" itu, pihak Jabatan Pertanian telah menyewa daripada seorang petani tempat<sup>-an</sup> sebidang sawah yang menerima air yang memuaskan dari Projek Kemubu ini. Petani-petani dalam kawasan ini dan kawasan-kawasan yang berhampiran diberitahu tentang projek sawah "demonstration" ini dan mereka dinasihatkan untuk datang melihat sawah "demonstration" itu. Dari awal hingga akhir musim itu, usaha dan pengawasan menanam padi adalah dijalankan oleh kakitangan Jabatan Pertanian.



## Sambutan Petani

Sambutan petani-petani terhadap "demonstration plot" tidak memuaskan. Didapati hanya 45.5% sahaja daripada petani-petani pergi melihat<sup>1</sup> "demonstration plot" itu. Walau bagaimanapun semua petani-petani dalam kawasan ini mengetahui tentang projek "demonstration plot" itu. Kebanyakan daripada mereka tidak mengambil berat tentang cara-cara baru dan nasihat-nasihat yang hendak dikemukakan pada mereka. Ini mungkin disebabkan mereka berasa yang mereka lebih mengetahui tentang menanam padi dan telah berpuluh tahun menanam padi di kawasan ini.<sup>2</sup>

Walaupun 54.5% tidak melihat "demonstration plot" itu, tetapi mereka mengetahui segala apa yang berlaku, iaitu melalui percakapan dengan petani lain yang telah melihat "demonstration plot" itu. Mereka berpendapat bahawa melihat sendiri atau mendengar tentang "demonstration" itu dari kawan-kawan adalah sama saja; dan itu adalah antara beberapa sebab mengapa mereka tidak pergi melihatnya.

Apabila disuruh petani-petani yang melihat "demonstration plot" itu menilai usaha yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian, dan samada mereka mahu ikut cara-cara yang dinasihat itu, jawapan didapati adalah berbagai-bagai.

---

<sup>1</sup>"Melihat" di sini hanyalah dimaksudkan bahawa pemergian petani-petani ke kawasan "demonstration plot" itu semata-mata untuk memerhati satu pertunjukan tapi tidak semestinya mereka berminat atas segala yang dipertunjukkan itu.

<sup>2</sup>Didapati 60% daripada petani telah menanam padi sejak 15 tahun dahulu, 36.4% telah menanam padi lebih daripada 10 tahun dan 3.6% lebih daripada 5 tahun dahulu.



Jadual 4.1

JAWAPAN/NILAIAN PETANI TERHADAP  
"DEMONSTRATION PLOT"

<u>Jawapan</u>	<u>Petani Yang Mem- beri Jawapan (%)</u>
1. Cara Pejabat Pertanian "Rumit"	23.6
2. Kurang tenaga kerja untuk mengikut cara itu	27.2
3. Kawasan 'demonstration' dengan kawasan petani berlainan	12.7
4. Hasil daripada "demonstration" tidak memuaskan	21.8
5. Lain-lain	14.7

Keterangan Lanjut Tiap-tiap Jawapan

1. Cara-cara Jabatan Pertanian "Rumit"

Oleh kerana cara-cara menanam padi seperti yang dinasihatkan oleh Jabatan Pertanian memerlukan perubahan atau penyesuaian dari cara traditional ke cara moden, iaitu seperti semasa penyediaan bendang, menabor benih, membaja, meracun musuh padi dan lain-lain, maka cara-cara ini dipandang oleh petani akan menyusah dan mengambil masa kerja mereka yang lebih panjang berbanding dengan cara-cara menanam yang traditional; dan dengan itu mereka mensifat cara-cara yang ditunjuk dalam "demonstration plot" itu sebagai "rumit".<sup>3</sup>

2. Kurang Tenaga Kerja Untuk Ikut Cara Jabatan Pertanian

Dalam menjayakan projek "demonstration plot" yang kawasannya lebih kurang 1/4 ekar, terdapat lebih kurang enam orang kakitangan mengerjakan

---

<sup>3</sup>"Rumit" yang diertikan oleh petani-petani di sini ialah sesuatu perkara yang menyusahkan mereka dan yang akan mengambil masa kerja mereka yang panjang untuk membuat satu-satu kerja itu.

sawah itu. Bilangan ini adalah satu jumlah yang besar untuk kawasan seluas itu kerana pada kebiasaannya hanya dua orang diperlukan untuk mengerjakan sawah seluas itu. Oleh kerana petani tiada tenaga kerja seramai itu, maka mereka berasa tidak berupaya untuk mengikut cara yang dipertunjukkan dalam "demonstration plot" itu.

### 3. Kawasan "Demonstration Plot" Berlainan Dengan Kawasan Petani-Petani

Ada juga petani-petani berpendapat kawasan "demonstration plot" adalah kawasan yang elok, dekat dengan taliair serta sesuai untuk dibaja, dan mereka berpendapat pula kawasan-kawasan mereka adalah berlainan dengan kawasan "demonstration plot" itu. Oleh itu mereka berasa keberatan untuk mengikut 100% cara-cara yang dinasihatkan.

### 4. Hasil Daripada "Demonstration Plot" Tidak Memuaskan

Hasil pengeluaran padi daripada "demonstration plot" tidak memuaskan walaupun cara-cara moden digunakan. Pihak Pejabat Pertanian terpaksa mengambil padi dari tempat lain untuk membayar harga sewa tanah itu. Oleh itu petani-petani berpendapat terdapat kesilapan dalam "demonstration plot" itu. Walau bagaimanapun mereka tidak pula menolak bulat-bulat apa yang ditunjukkan pada mereka.

### 5. Lain-Lain

Dalam kategori ini terdapat jawapan seperti:-

- (i) Kakitangan Jabatan Pertanian adalah orang yang makan gaji, apa yang mereka tunjuk dan nasihat itu tidak mestinya berjaya dan mereka tidak akan menanggung kerugian.
- (ii) Kerajaan dapat membelanja wang yang banyak dalam tiap-tiap peringkat penanaman padi,



tetapi mereka (petani) tidak mempunyai wang untuk membeli baja yang cukup.

Dari jawapan-jawapan di atas, jelaslah bahawa petani-petani tidak menerima atau menolak 100% cara-cara tanaman padi yang dinasihatkan. Bolehlah dikatakan sekarang adalah masa "peralehan" dari cara traditional kepada cara-cara moden. Berlakunya keadaan demikian adalah disebabkan oleh keadaan kewangan petani yang terhad. Untuk membajak dua kali dan membaja tiga kali memerlukan wang yang banyak. Oleh itu kebanyakan petani-petani hanya membajak dan membaja sawah mereka sekali sahaja.

Di sini jelas bahawa untuk menyakin petani-petani tentang satu-satu cara menanam padi yang moden melalui "demonstration plot", cara yang pernah dijalankan oleh Jabatan Pertanian tidak lagi sesuai. Penglibatan petani-petani tempatan dalam satu-satu "demonstration plot" sangat diperlukan.

Bilangan pekerja di satu-satu kawasan "demonstration plot" mestilah tidak melebihi tenaga kerja yang diperlukan. Selain daripada itu "demonstration plot" mestilah menunjukkan kejayaan, kalau gagal "demonstration plot" itu, sudah tentu ianya akan melemah semangat dan kepercayaan petani-petani untuk mengikut cara yang dinasihat itu.

Walaupun begitu, dalam kawasan ini terdapat rational yang diberi oleh petani-petani mengapa "demonstration plot" itu tidak berjaya dan kegagalan tidak pula melemahkan semangat petani untuk mengikut cara yang ditunjuk itu.

Mereka menyatakan kegagalan "demonstration plot" itu adalah disebabkan oleh ianya diusahakan oleh pegawai kerajaan. Ini ialah kerana sudah menjadi kebiasaan kepada seseorang pegawai kerajaan menjalankan sesuatu kerja itu hanya sebagai "melepas batok ditangga" sahaja. Mereka hanya menjalankan tugas harian dan oleh itu tidak perlu bersungguh-



sungguh dalam kerja mereka kerana upah atau gaji daripada tugas itu tetap diterima di akhir bulan.

Di kalangan petani yang ditemuduga, tidak seorang pun yang menyatakan "demonstration plot" itu sebagai usaha yang baik, tetapi dari amalan penanaman padi, didapati petani ada mengikut setengah-setengah cara yang ditunjukkan dalam "demonstration plot". Dari sini dapatlah dinyatakan bahawa mereka memang menganggap "demonstration plot" itu sebagai usaha yang baik walaupun mereka tidak nyatakan secara terus terang. Ketidak sanggupan petani mengamal 100% cara yang ditunjukkan dalam "demonstration plot" akan diperhatikan dalam huraian seterusnya.

#### Amalan Penanaman Padi

Dalam kawasan ini sebelum diadakan Projek Pengairan, secara kasar terdapat dua jenis padi di tanam iaitu padi cedongan (wet padi) dan padi tugalan (dry padi). Padi tugalan ini tidak boleh disamakan dengan Padi huma yang ditanam di lereng bukit. Padi cedongan memerlukan air secukupnya dari peringkat cedong hingga padi masak, tetapi padi tugalan dapat ditanam tanpa air.

Tetapi sekarang dengan adanya taliair hanya padi cedongan sahaja ditanam.

#### (a) Penyediaan Tapak Semaian dan Boleh

Penyediaan tapak semaian dijalankan lebih kurang dua bulan sebelum kawasan sawah-sawah lain disediakan. Kebanyakan tapak semai di kawasan ini diusahakan dengan mengguna jentera pembajak. Kawasan keliling tapak semai itu dipagar untuk mengelak ternakan seperti ayam dan itek memakan benih yang ditabor disitu.

Penggunaan baja di peringkat ini kurang memuaskan. Pihak Jabatan Pertanian menasihat petani-petani supaya menabor baja jenis "ammonium



phosphate" pada semaian mereka, iaitu sebanyak 2 lb. bagi satu gantang benih atas kawasan seluas 500 kaki persegi.

Didapati hanya 16.3% daripada petani-petani menyatakan mereka mengguna baja semaian, dan 83.7% lagi tidak mengguna baja. Kebanyakan daripada mereka yang tidak membaja mengatakan kesuburan semaian yang di-baja dengan yang tidak adalah sama saja. Walau bagaimana pun mereka akan membaja juga semaian mereka kalau didapati semaian itu tidak subur.

Purata benih padi yang digunakan untuk tanah seluas seekar ialah 8 gantang, dan jenis semaian yang digunakan ialah 'semaian basah'. Cara 'semaian basah' ialah dengan merendam benih padi itu dalam air selama 2 hari dan dua malam. Lepas itu benih itu disejat dan ditaborkan di tapak semaian yang telah disediakan. Benih itu dibiarkan tumbuh di tapak semaian selama lebih kurang 40 hari, sebelum ianya dicabut dan divedong di tanah sawah yang lain.

#### (b) Penyediaan Bendang

Sebelum Projek Taliair, petani-petani mengguna tenaga haiwan untuk membajak sawah, tetapi dengan tanaman padi dua kali setahun, cara itu tidak lagi meluas, kerana mengguna tenaga haiwan akan mengambil masa yang panjang. Ini akan melambatkan kerja petani kerana mereka terpaksa mengikut jadual tanaman yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pertanian. Semua petani mesti menanam serentak supaya pembahagian air dapat diselenggarakan tanpa menyusahkan petani sekalian.

Untuk mengejar masa yang singkat itu petani di kawasan ini, dan juga di kawasan Projek Pengairan Kemubu yang lain mengguna jentera pembajak untuk menyediakan sawah mereka. Untuk menghancurkan dan melambatkan tanah, membajak dua kali adalah diperlukan, tetapi bagi petani yang hanya membajak sekali mereka akan mengguna pula tenaga haiwan untuk



'gerak'<sup>4</sup> tanah mereka itu. Cara demikian akan merata dan melembutkan tanah itu supaya senang ditanam anak semaian kelak.

Dalam kawasan ini LPP tidak menyediakan jentera pembajak, oleh itu petani-petani terpaksa mengupah orang tengah yang mempunyai jentera untuk membajak sawah mereka. Upah yang dikenakan adalah di antara \$30.00 hingga \$40.00 seekar, iaitu mengikut keadaan tanah dan jarak jauh tanah itu dari jalan raya atau jalan kampung. Walaupun begitu kedapatan juga beberapa orang petani yang mempunyai jentera pembajak yang kecil dan mereka ini selain daripada membajak tanah sendiri, juga mengambil upah membajak tanah orang lain.

Jadual 4.2

PENGUNAAN JENTERA PEMBAJAK

	Bilangan Petani	Peratus
Jentera Sendiri	6	10.6
Sewa	42	76.3

Jadual 4.3

PENYEDIAAN BENDANG

CARA MEMBAJAK

Mengguna	Petani (%)
Jentera Pembajak	87.2
Tenaga Haiwan	12.8

BERAPA KALI MEMBAJAK

Bilangan	Petani (%)
Sekali	60
Dua kali	40

<sup>4</sup>Proses menghancor tanah kalau tanah itu dibajak sekali. Alat yang diguna berbentuk seperti sikat yang ditarik oleh haiwan.



## JENIS JENTERA

<u>Jenis</u>	<u>Petani Yang Mengguna (%)</u>
Jentera Kecil (2 roda)	66
Jentera Besar (4 roda)	34

Di kalangan petani yang mengguna tenaga haiwan untuk membajak tanah mereka, kesemuanya adalah binatang ternakan mereka sendiri. Walaupun mereka mengguna tenaga binatang, mereka juga akan membajak dengan jentera jikalau penyediaan sawah mereka itu tidak dapat disiapkan dalam jangka waktu yang ditetapkan.

### (c) Mencedong (transplanting)

Apabila benih dicabut dari tapak semaian, ianya diikat dalam beberapa ikatan, dipanggil uting.

Proses mencedong dijalankan pada hari yang sama dengan hari benih itu dicabut dari tapak semaian itu. Pada kebiasaannya, petani mendapat pertolongan dari anak isteri mereka dalam proses ini. Untuk tanah seluas seekar ia memakan masa "14 man-days" iaitu untuk kerja mencabut benih daripada tapak semaian dan mencedong di tanah yang telah disediakan.

### (d) Merumput

Pada kebiasaannya merumput tidak dijalankan pada padi cedong, tetapi kalau air dalam sawah tidak mencukupi, terdapat rumput yang tumbuh. Didapati hanya 36% sahaja daripada petani yang merumput tanah mereka. Cara merumput ialah samaada mengguna sabit atau mencabut dengan tangan sahaja. Tidak seorang pun daripada mereka mengguna racun. Antara sebab-sebab yang diberi berkenaan dengan masalaah tidak mengguna racun rumput ialah:-

## PENGUNAAN RACUN RUMPUT

<u>Sebab Tidak Digunakan</u>	<u>Petani Melapor (%)</u>
Tiada Wang	60
"Rumit"	20
Akan membahayakan Padi	20

Dari jawapan yang ketiga itu, jelas didapati masih ramai petani yang ragu-ragu tentang penggunaan racun rumput. Mereka berasa takut kerana pada anggapan mereka di sebalik hendak memati rumput, padi mereka yang musnah kelak.

Ini menunjukkan tentang kekurangan penjelasan mengenai penggunaan racun rumput itu yang diberi oleh Jabatan Pertanian.

(e) Menuai dan Merelai Padi

Menuai dijalankan dengan menggunakan "ketam" dan padi direlai dari tangkainya dengan menghentam padi itu ke suatu tempat yang sedia dapat menadah padi yang relai itu. Padi itu disimpan di rumah petani sendiri atau di "rumah padi" yang dibina berdekatan rumah petani itu. Proses ini juga memerlukan pertolongan anak isteri petani.

(f) Membaja

Mengikut nasihat yang diberi oleh Jabatan Pertanian, terdapat tiga peringkat dalam membaja.

- (i) Peringkat I: Baja semaian, ditabor di tapak semaian<sup>5</sup> semasa menyedia "anak semai".
- (ii) Peringkat II: Membaja dengan baja campuran (Basal Dressing), ditabor di sawah 2 atau

---

<sup>5</sup>Lihat muka surat 39.



3 hari sebelum divedong. Seekar memerlukan 3

kampit baja (75 lb. se kampit).

(iii) Peringkat III: Baja Urea (prilled) atau "Baja Garam" ditabor di sawah bila padi menghiiau.

Atorannya ialah:

(a)  $1/3$  kampit, iaitu 3 minggu selepas cedung.

(b)  $2/3$  kampit, iaitu 3 minggu sebelum padi mengeluarkan bunga.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, dalam peringkat pertama hanya 16.3% daripada petani mengguna baja; dalam peringkat kedua, 100% petani mengguna baja dan dalam peringkat ketiga hanya 6% mengguna baja.

Dalam Peringkat kedua, banyak baja yang diperlukan untuk seekar tanah ialah 3 kampit (75 lb. sekampit). Tetapi didapati purata banyak baja yang diguna oleh petani ialah  $1\frac{1}{4}$  kampit saja seekar.

Masa untuk membaja yang dinasihatkan ialah sebelum cedong; tetapi kedapatan petani membaja lebih kurang sebulan selepas cedong. Walau bagaimanapun terdapat 4% petani yang menyatakan mereka membaja sebelum dan selepas cedong.

Jadual 4.5

PENGUNAAN BAJA (PERINGKAT II)

<u>Baja diGunakan Seekar</u>	<u>(%) Petani</u>
0-0.99 kampit	20.0
1-1.99 kampit	49.1
2-2.99 kampit	23.6
3-3.99 kampit	7.3



#### (g) 1. Penyakit Padi

Lebih kurang 21% petani mengatakan padi mereka diserang penyakit; tetapi hanya 25% daripada yang terlibat itu berusaha dan mengguna ubat untuk mencegah penyakit itu.

Apabila ditanya mengapa mereka tidak mengguna ubat, mereka mengatakan tidak tahu mengguna ubat kerana kekurangan nasihat dan tunjuk ajar dari pihak Jabatan Pertanian. Oleh itu mereka ragu-ragu untuk menggunakan ubat itu, takut-takut nanti padi mereka juga turut musnah nanti. Dengan demikian mereka tinggalkan padi yang diserang penyakit itu begitu saja.

#### (g) 2. Musuh Padi

Padi yang diserang penyakit hanyalah 21%, tetapi tanaman padi yang diserang musuh padi, seperti tikus, burung dan kesing, adalah 100%. Oleh kerana burung dan kesing tidak membawa kerosakan yang besar pada padi, petani-petani telah mengenyepikan kedua-dua musuh itu apabila disoal; dan mereka hanya mengatakan musuh utama yang dihadapi oleh seluruh petani sekelian ialah tikus. Walau bagaimana, terdapat hanya sebanyak 18.2% daripada petani berusaha dan bergiat untuk memusnahkan tikus-tikus dengan mengguna racun.

Petani-petani boleh mendapat racun tikus daripada Jabatan Pertanian dengan percuma, tetapi masalaahnya ialah petani-petani enggan mengguna racun untuk membunuh tikus. Mereka mempercayai bahawa tikus adalah sejenis "jembalang" dan tidak boleh diganggu. Kalau diganggu, tambahan pula diracun, tikus itu akan naik radang dan akan memusnahkan segala tanaman padi petani. Mereka berpendapat sawah padi adalah tempat kediaman tikus itu, oleh itu untuk membunuh tikus secara diracun adalah kesalahan besar. Selain daripada itu petani-petani itu percaya yang tikus itu dapat mengesan sesiapa saja yang mencaci mereka, oleh itu



segala percakapan yang dituju kepada tikus mestilah secara elok. Ada kalanya tikus diberi panggilan "Cik Siti" atau "Cik Ti" saja.

Walaupun sebanyak 81.8% tidak meracun tikus-tikus, mereka berikhtiar juga untuk mengelak tanaman dari dimusnahkan oleh tikus. Ikhtiar yang diambil oleh mereka ialah dengan memberi "pesanan" kepada tikus. "Pesanan" yang disampaikan kepada tikus itu ialah supaya tikus-tikus itu tidak mengusek atau memusnah padi mereka terlalu banyak kerana mereka (petani) juga ada anak isteri untuk ditanggung. "Pesanan" yang dibuat kepada tikus itu, pada kebiasaannya adalah waktu senja, kerana pada waktu itu tikus-tikus keluar mencari makanan mereka.

Kepercayaan yang tikus itu adalah sejenis "jembalang" ada persamaan dengan di negeri Kedah. Rosemary Edith Bernard melapurkan "Some (farmers) refuse to admit that insect and rat do any damage to their crop ..... it is not the cost of this innovation so much as the belief and misconception held about them that have kept them from being used where appropriate."<sup>6</sup>

Di Filipina, masalah ini juga wujud, Moshe melapurkan di antara jawapan yang diberi oleh petani apabila disoal mengapa mereka tidak meracun tikus, mereka menjawab "we don't kill rats here, because if we poison them, other rats might revenge them, so there will be no more. The only way to minimize rat infestation is to pray to God."<sup>7</sup>

Dalam masa kajian dijalankan, didapati petani-petani dalam kawasan itu telah dua kali mengadakan sembahyang hajat dan menolak bala supaya pada musim padi berikutnya masalah tikus tidak menjadi penghalang yang besar pada mereka.

---

<sup>6</sup> Barnard, Rosemary Edith, "Organisation of Production in Kedah Rice Farming Village" Phd, Australian National University, 1970 (Microfilm Um, 1069.2) m.s. 253.

<sup>7</sup> Mosher, A.T. "Getting Agriculture Moving" Frederik A Praeger, N.Y. 1966, m.s. 65



Usaha-usaha lain yang dijalankan oleh petani untuk menjauhkan tikus daripada bendang mereka ialah dengan meletak kulit limau bali dan duri dari daun nenas di antara pokok padi itu. Ramai petani-petani berpendapat, kedua-dua cara "pesanan" dan meletak duri itu sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada mereka.

Jadual 4.6

MUSUH PADI

<u>Jenis Musuh</u>	<u>Petani Yang Melapur (%)</u>
Tikus	100
Kesing, burung dan lain-lain	5

Jadual 4.7

ALAT KAWALAN MUSUH<sup>8</sup>

<u>Jenis Yang Diguna</u>	<u>Petani Yang Melapur (%)</u>
Racun	18.2
"Pesanan"	81.8

Kaitan Antara Pelajaran Dengan Penanaman Padi Cara Moden

Pelajaran yang dimaksudkan di sini ialah pelajaran formal di-Peringkat asas, iaitu samaada bersekolah rendah atau bersekolah di pondok.

Pertanian cara moden dalam kontek ini ialah penggunaan jentera pembajak, penggunaan baja dan penggunaan racun tikus.

Penggunaan Jentera Pembajak

Dalam peringkat penyediaan bendang didapati 83.6% petani di kawasan ini mengguna jentera pembajak untuk membajak sawah mereka. 16.4% Yang baki itu tidak mengguna jentera tetapi mengguna tenaga haiwan.

Jadual 4.8 di muka surat 48 menunjukkan 47.3% daripada yang mengguna jentera pembajak mempunyai pendidikan asas dan 36.3% tidak mempunyai pendidikan asas itu. Di kalangan yang tidak mengguna jentera

<sup>8</sup>Yang "pesan" juga guna daun nenas dan kulit limau bali



pula, peratus yang mempunyai pendidikan ialah 3.7% dan yang tidak ber-pendidikan ialah 12.8%.

Jadual 4.8

PENGUNAAN JENTERA PEMBAJAK

<u>Yang Guna</u>		<u>Yang Tak Guna</u>	
83.6%		16.4%	
<u>Pendidikan</u>		<u>Pendidikan</u>	
<u>Ada</u>	<u>Tiada</u>	<u>Ada</u>	<u>Tiada</u>
47.3%	36.3%	3.7%	12.8%
<u>Perbedaan</u>		<u>Perbedaan</u>	
10%		9.1%	

Perbedaan antara yang berpendidikan dengan yang tidak berpendidikan mengguna baja ialah 10%, dan perbedaan antara yang berpendidikan dengan yang tidak berpendidikan yang tidak guna baja ialah 9.1%.

Jadual di atas menunjukkan, peratus orang yang tidak mempunyai pendidikan asas yang mengguna jentera pembajak adalah lebih kurang sama dengan mereka yang mempunyai pendidikan. Oleh itu di sini, nyata peranan pendidikan tidak berkesan untuk menjadi satu pendorong untuk petani-petani mengguna jentera pembajak. Tetapi apa yang ternyata di kawasan ini ialah faktor masa dan faktor ekonomi telah menjadi faktor pendorong untuk penggunaan jentera itu.

Oleh kerana dalam penanaman padi dua kali petani-petani mesti mengikuti jadual tanaman padi yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian, maka petani-petani mesti mengejar masa yang singkat untuk menyediakan mereka, supaya mereka berada dalam peringkat jadual yang ditetapkan. Dengan itu petani terpaksa membajak sawah mereka dengan jentera agar tidak ketinggalan dalam penanaman padi kelak.

Bagi mereka yang tidak mengguna jentera, mereka mengguna tenaga



haiwan yang dipunyai sendiri. Ini sudah tentu lebih menguntungkan.

Ramai dikalangan petani-petani yang mengguna jentera bersedia mengguna tenaga haiwan secara sewa jika masa mengizinkan.

Oleh itu dapat dijelaskan, peratus yang agak tinggi di kalangan petani-petani yang mengguna jentera pembajak di kawasan ini tidak di pengaruhi oleh pelajaran, tetapi adalah ditekan oleh rasa terpaksa dan untuk mengejar masa yang singkat dalam sistem penanaman padi dua kali setahun.

(a) Penggunaan Baja (Peringkat I)

Penggunaan baja dalam Peringkat I ialah baja untuk semaian padi. Membaja dalam Peringkat ini adalah satu konsep baru dalam cara Penanaman padi. Petani diperkenalkan dengan pembajaan ini supaya anak semaian mereka hidup subur dan cepat dapat divedong tanpa mengalami apa apa kebantutan apabila tumbuh di sawah.

Dalam peringkat ini, didapati hanya 16.3% petani mengguna baja. Dari segi pendidikan, hanya 11.1% daripada yang mempunyai pendidikan mengguna baja dan terdapat 39.8%, juga yang mempunyai pendidikan tetapi tidak mengguna baja.

Jadual 4.9

PENGUNAAN BAJA I

<u>Yang Guna</u>		<u>Yang Tidak Guna</u>	
16.3%		83.7%	
<u>Pendidikan</u>		<u>Pendidikan</u>	
<u>Ada</u>	<u>Tiada</u>	<u>Ada</u>	<u>Tiada</u>
11.1%	5.2%	39.8%	43.9%
<u>Perbedaan</u>		<u>Perbedaan</u>	
5.9%		4.1%	



Sekali lagi dapat dijelaskan di sini pendidikan asas yang

petani perolehi tidak menjadi pendorong untuk mereka mengguna baja.

Peratus besar yang tidak menggunakan baja samaian daripada kalangan petani

yang berpendidikan (39.8%) membuktikan kenyataan itu. Bagi mereka, ini

adalah satu pengenalan baru dalam sistem tanaman padi. Pada kebiasaan-

nya, mereka tidak membaja di peringkat ini, hanya dilakukan pada masa

mencedong nanti. Tetapi bagi 16.3% petani yang menggunakan baja, mereka

merasakan sangat perlu dibaja kerana pada pandangan mereka samaian

mereka lambat hendak membesar. Dengan membaja mereka tahu samaian

mereka akan cepat membesar dan cepat pula dapat divedong.

Walau bagaimanapun di kalangan yang tidak guna baja, mereka

berasa samaian mereka sudah cukup subur dan tidak perlu dibaja. Tambahan

pula mereka tidak mempunyai wang untuk membeli baja. Tetapi kata mereka,

mereka tidak akan keberatan untuk membaja kalau didapati samaian itu

terbantut pertumbuhannya. Bagi mereka ini, mereka akan guna baja asli

atau baja kompos sahaja.

Di sini dapat dinyatakan bahawa petani menggunakan baja bila

mereka dapati samaian mereka tidak subur. Penggunaan baja tidak di-

sebabkan oleh satu keadaan yang pasti dilakukan dalam sistem penanaman

padi cara moden, tetapi dilakukan bila dirasakan perlu sahaja.

#### (b) Penggunaan Baja (Peringkat II)

Penggunaan baja di Peringkat ini ialah untuk pertumbuhan

anak padi yang telah divedong dari tapak samaian ke sawah. (Basal

Dressing). Sebelum petani menggunakan baja kimia, mereka telah menggunakan

baja asli dalam peringkat ini. Bagi mereka membaja dalam peringkat ini

bukan satu pengenalan baru; tapi yang baru bagi mereka hanyalah jenis

baja sahaja iaitu baja kimia menggantikan baja asli.



Oleh itu tidak hairanlah mengapa didapati 100% petani mengguna baja di Peringkat ini. Mereka mengetahui melalui pengalaman-pengalaman lepas, baja diperlukan untuk kesuburan pokok yang baru divedong.

Jadual 4.10

PENGUNAAN BAJA II

<u>Yang Guna</u>	<u>Pendidikan</u>	
	<u>Ada</u>	<u>Tiada</u>
100	50.9	49.1

Di sini juga didapati peratus petani tanpa pendidikan yang mengguna baja adalah tinggi (49.1%), dengan itu tidaklah dapat dikatakan hanya mereka yang ada pendidikan asas akan lebih cenderung untuk mengguna baja. Apa yang dapat difahami dengan penggunaan baja oleh kesemua petani-petani di kawasan ini ialah "keadaan tradisi mereka", iaitu mereka telah lama mengguna baja dalam peringkat ini. Oleh itu tanpa apa-apa dorongan sekalipun mereka akan berusaha mengguna baja di Peringkat ini.

(c) Penggunaan Baja (Peringkat III)

Penggunaan baja di Peringkat ini ialah bertujuan supaya tidak berlaku keadaan "hampa" pada padi dan supaya pokok padi mengeluarkan buah yang banyak.

Didapati yang mengguna baja dalam peringkat ini hanyalah 6% sahaja. Kesemua 6% itu adalah petani yang ada pendidikan asas, tapi terdapat 44.9% yang berpendidikan tidak mengguna baja.

Jadual 4.11

PENGUNAAN BAJA III

<u>Yang Guna</u>		<u>Yang Ta Guna</u>	
6%		94%	
<u>Pendidikan</u>		<u>Pendidikan</u>	
<u>Ada</u>	<u>Tiada</u>	<u>Ada</u>	<u>Tiada</u>
6%	0	44.9%	49.1%
<u>Perbedaan</u>		<u>Perbedaan</u>	
6%		4.2%	



Yang jelas di sini ialah jika petani-petani mendapati pokok mereka hidup dengan subur, mereka tidak akan berusaha mengguna baja. Kesuburan bagi mereka ialah apabila padi hidup menghi-jau dan tidak di-serang penyakit.

#### Penggunaan Racun Tikus

Musuh utama petani-petani dalam kawasan ini ialah tikus. Walau pun petani mengetahui tentang ancaman tikus, mereka masih enggan mengguna racun. Dalam kawasan ini hanya 18.2% petani sahaja yang mengguna racun. Di kalangan yang tidak mengguna racun, 40% daripada mereka adalah yang mempunyai pendidikan.

Jadual 4.12

#### PENGUNAAN RACUN

<u>Yang Guna</u>		<u>Yang Tidak Guna</u>	
18.2%		81.8%	
<u>Pendidikan</u>		<u>Pendidikan</u>	
<u>Ada</u>	<u>Tiada</u>	<u>Ada</u>	<u>Tiada</u>
10.9%	7.3%	40%	41.8%
<u>Perbedaan</u>		<u>Perbedaan</u>	
3.6%		1.8%	

Terdapat keadaan yang tidak mengguna racun yang tinggi peratusnya di kalangan mereka mempunyai pendidikan ialah disebabkan oleh kepercayaan traditional mereka, iaitu tikus adalah dipercayai sejenis "jembalang". Usaha-usaha yang dijalankan untuk menghindar ancaman tikus ialah secara "pesanan" dan <sup>m</sup>sebahyang hajat oleh petani-petani selepas sembahyang Jumaat.

Dari keterangan yang telah diberikan, dapat dibuat satu penjelasan iaitu penggunaan cara moden dalam tanaman padi tidak sangat ditentukan oleh faktor pelajaran.



(a) Seseorang yang mempunyai pelajaran asas tidak memberi satu anggapan yang mereka itu akan lebih cenderung mengamal cara moden.

(b) Seseorang yang tidak mempunyai pelajaran asas tidak pula bererti mereka itu kurang kecenderongan mengamal cara moden.

Kecenderongan untuk mengamal cara-cara moden adalah ditentukan oleh faktor-faktor seperti faktor masa, ekonomi, kepercayaan petani sendiri tentang satu <sup>-satu</sup> keadaan dan faktor perhubungan antara petani dengan pihak Jabatan Pertanian.

Cara Jabatan Pertanian merapatkan hubungan dengan petani ialah dengan cara memberi nasihat serta mengadakan sawah "pameran dan tunjuk-ajar". Tetapi oleh kerana sawah "pameran" itu paling akhir dijalankan dua tahun yang lepas dan juga tidak menunjukkan kejayaan dalam "pameran" itu, maka apa yang hendak di "pamerkan" oleh Jabatan Pertanian itu tidak memberi kesan yang positif kepada petani-petani di kawasan ini. Oleh itu untuk membetulkan keadaan yang tersalah itu, adalah menjadi tugas Jabatan Pertanian mengadakan sawah "pameran" sekali lagi di kawasan yang sama dan kali ini memastikan kesalahan-kesalahan dari organisasi dan hasil dari "pameran" itu tidak berulang.

Selain daripada itu penerangan-penerangan mengenai kaedah dan keuntungan yang akan didapati dengan mengamal cara baru perlu diperhebatkan. Dengan adanya usaha-usaha begini petani-petani akan lebih berminat dan akan berusaha mengikut cara-cara yang dikehendakki oleh Jabatan Pertanian.

#### Kaitan Antara Pendapatan Dengan Penanaman Padi Cara Moden

Walaupun tingkat pendapatan per kapita di Malaysia adalah tinggi



tetapi di kalangan penduduk di luarbandar pula, didapati pendapatan purata keluarga Melayu ialah \$154.50 sebulan.<sup>9</sup> Bagi tujuan kajian ini pengkaji akan mengambil pendapatan purata itu sebagai "garis kemiskinan"<sup>10</sup> dan akan melihat pendapatan di kawasan di mana kajian ini dijalankan. Dengan menggunakan angka itu, didapati lebih kurang 96.4% petani-petani di kawasan ini hidup dalam kemiskinan. Keadaan demikian banyak memberi kesan kepada petani-petani di kawasan ini dalam penggunaan cara moden untuk menanam padi dua kali setahun.

#### Penggunaan Jentera Penjabak

Walaupun 95.4% daripada petani-petani di kawasan ini berpendapatan kurang daripada \$100.00 sebulan, tetapi peratus yang mengguna jentera pembajak di kalangan mereka adalah tinggi iaitu 85.7%. Peratus yang tinggi mengguna jentera pembajak tidak ada kaitan dengan perubahan sikap petani atau pun penggunaan jentera itu di selenggara oleh badan "separoh kerajaan" seperti LPP dan dapat subsidi dari kerajaan. Apa yang ketara ialah petani terpaksa mengguna jentera pembajak, dan ini ujud kerana dua perkara:

- (i) Mereka tidak mempunyai tenaga haiwan untuk membajak sawah dan;
- (ii) kalau tidak mengguna jentera mereka akan ketinggalan dalam peringkat -peringkat penanaman padi untuk satu-satu musim.

Dengan itu, walaupun upah jentera pembajak untuk satu-satu ekar

---

<sup>9</sup> Kajian Semua Rancangan Malaysia Kedua.

<sup>10</sup> Pengkaji mengguna pendapatan purata itu kerana angka itu adalah "angka purata" dan ianya tidak semesti satu "garis kemiskinan" bagi seluruh Malaysia Barat buat masa ini



adalah mahal, petani terpaksa menanggung beban yang berat itu, demi untuk mengelak daripada ditimpa kerugian yang lebih besar.

Jadual 4.13

PENDAPATAN DAN PENGGUNAAN JENTERA

Peratus Petani Yang Berpendapatan Antara

\$0. - \$50 sebulan 61.8 %		\$51 - \$100 sebulan 34.6 %		\$101 - \$200 sebulan 3.6 %	
Guna Jentera	Tidak Guna	Guna Jentera	Tidak Guna	Guna Jentera	Tidak Guna
54.1 %	7.7 %	28.0 %	6.6 %	3.6 %	-

Keseluruhan Yang Guna Jentera 85.7%

(a) Penggunaan Baja Peringkat I

Keseluruhan petani yang mengguna baja pada peringkat ini hanya 16.3%. Kekurangan petani mengguna baja diperingkat ini menunjukkan mereka kekurangan wang untuk membeli baja. Ada juga petani yang menyatakan kalau mereka mengguna baja pada Peringkat ini, mereka tidak akan mempunyai wang lagi untuk membeli baja untuk Peringkat II.

Petani yang ditanya mengapa mereka tidak mengguna baja asli sahaja untuk peringkat ini, jawapan yang diberi ialah dengan adanya tananaman dua kali setahun, terdapat kekurangan haiwan dipelihara dan ini menyebabkan kekurangan baja asli.



Jadual 4.14

PENDAPATAN DAN PENGGUNAAN BAJA  
(PERINGKAT I)

Peratus Petani Yang Berpendapatan

\$0 - \$50 sebulan		\$51 - \$100 sebulan		\$101 - \$200 sebulan	
61.8%		34.6%		3.6%	
Guna Baja	Tidak Guna	Guna Baja	Tidak Guna	Guna Baja	Tidak Guna
9.4%	52.4%	5.1%	29.5%	1.8%	1.8%

Keseluruhan Yang Guna Baja: 16.3%

(b) Penggunaan Baja Peringkat II

Dari Segi jumlah petani yang mengguna baja dalam peringkat ini, didapati 100% mengguna baja. Tetapi peratus itu tidak dapat memperlihatkan kaitan antara penggunaan baja dengan jumlah pendapatan. Dengan itu kita perlu melihat jumlah baja yang diguna oleh petani-petani itu untuk satu ekar.

Data menunjukkan bahawa petani-petani yang berpendapatan "tinggi" berkecenderongan mengguna baja yang lebih sedikit daripada mereka yang berpendapatan "rendah". Tetapi jumlah baja yang digunakan oleh petani-petani adalah lebih rendah daripada yang dinasihatkan, iaitu lebih kurang tiga kampak untuk seekar.

Dengan itu dapat dinyatakan bahawa jumlah penggunaan baja di pengaruhi kuat oleh jumlah pendapatan. Oleh kerana petani di kawasan ini hidup dalam keadaan kemiskinan dan berpendapatan rendah, maka penggunaan baja juga rendah.

Guna Baja	Tidak Guna	Guna Baja	Tidak Guna	Guna Baja	Tidak Guna
1.7%	60.1%	2.1%	32.3%	1.2%	1.8%

Keseluruhan Yang Guna Baja: 5%



Jadual 4.15

**PENDAPATAN DAN PENGGUNAAN BAJA  
(PERINGKAT II)**

**Peratus Petani Yang Berpendapatan**

\$0 - \$50 sebulan		\$51 - \$100 sebulan		\$101 - \$200 sebulan	
61.8%		34.6%		3.6%	
Guna Baja	Tidak Guna	Guna Baja	Tidak Guna	Guna Baja	Tidak Guna
61.8%	-	34.6%	-	3.6%	-
Keseluruhan Guna Baja 100%					
Banyak Baja diguna		Banyak Baja Diguna		Banyak Baja Diguna	
+ 1.5 kampil seekar		+ 1.7 kampil seekar		+ 1.9 kampil seekar	

**(c) Penggunaan Baja (Peringkat III)**

Masalah kekurangan wang dan keadaan kemiskinan mengakibatkan petani-petani kurang mengguna baja di peringkat ini. Didapati hanya 6% sahaja petani yang mengguna baja dalam peringkat ini. Sekali lagi data menunjukkan bahawa kecenderongan mengguna baja adalah lebih cenderung terhadap mereka yang berpendapatan "tinggi", iaitu lebih daripada 50% petani yang berpendapatan antara \$101 - \$200 sebulan mengguna baja dalam Peringkat ini.

Jadual 4.16

**PENGGUNAAN BAJA (PERINGKAT III)**

**PERATUS PETANI YANG BERPENDAPATAN**

\$0 - \$50 sebulan		\$51 - \$100 sebulan		\$101 - \$200 sebulan	
61.8%		34.6%		3.6%	
Guna Baja	Tidak Guna	Guna Baja	Tidak Guna	Guna Baja	Tidak Guna
1.7%	60.1%	2.1%	32.5%	2.2%	1.6%

Keseluruhan Yang Guna Baja: 6%



Dari keterangan yang lepas, didapati penggunaan baja Peringkat I dan Peringkat III masing-masing adalah 16.3% dan 6% sahaja. Ini jelas menunjukkan bahawa pendapatan yang kecil dan keadaan hidup yang miskin mempengaruhi penggunaan baja itu. Tetapi akan timbul pertanyaan kalau petani hidup dalam kemiskinan dan tidak dapat membeli baja, mengapa pula terdapat 100% petani itu mengguna baja dalam Peringkat II. Soalan ini tidak susah diberi penjelasan:

- (i) Petani-petani yang memawah tanah akan menerima baja daripada tuan-tanah.<sup>11</sup>
- (ii) Petani-petani yang menjadi ahli Lembaga Persatuan Peladang dapat memperolehi baja secara kredit dan dibayar selepas menuai.
- (iii) Kebiasaan mereka membaja sejak sebelum ada Rancangan Pengairan KEMUBU.<sup>12</sup>

Walaupun demikian manifestasi keadaan kemiskinan mereka dapat dilihat dari jumlah baja yang digunakan, iaitu kurang daripada yang dinasihatkan oleh Jabatan Pertanian.

---

<sup>11</sup> Mengikut sistem pawah, tuan tanah membiayai baja; tetapi oleh kerana kebanyakan tuan tanah tidak mengambil tahu tentang tanah yang diberi pawah itu, maka segala keperluan baja dibeban atas petani, dan petani akan memotong harga baja itu selepas menuai apabila pembahagian hasil padi dijalankan.

<sup>12</sup> Wang tunai untuk beli baja didapati dengan cara menjual "padi simpanan" petani. Oleh kerana "padi simpanan" ini juga diperlukan untuk makanan harian mereka, maka bahagian yang boleh dijual sangat terbatas.

---



## BAB V

### AKIBAT RANCANGAN PENGAIRAN KE ATAS PETANI

#### Pembahagian Air:

#### Dari Projek Pengairan KEMUBU

Dalam kawasan ini hanya 96% daripada petani-petani menerima air dari Projek ini. Dengan itu bererti hanya 96% petani dapat menanam dua kali setahun, yang baki 4% tidak dapat menanam padi luar musim, tetapi hanya dapat menanam padi musim (main season) sahaja. Data menunjukkan yang tidak menerima air adalah disebabkan tanah mereka agak tinggi sedikit daripada paras pengaliran air. Bagi mereka yang menerima air, mereka telah mendapat bekalan air itu sejak akhir tahun 1971, iaitu apabila Projek ini siap.

Dalam masaalah penggunaan taliair, rasa tanggung-jawab dan kerjasama yang erat dikalangan petani adalah perlu. Oleh itu mereka selalu diberi nasihat dan galakan oleh Ketua kampung supaya bekerjasama untuk melaksanakan pembahagian air yang sempurna dalam musim penanaman padi.

Apabila air hendak dilepaskan daripada Parit Besar, petani-petani terlebih dahulu diberitahu secara bertulis, iaitu suatu Notis Pemberitahu yang besar akan ditampal dimerata tempat dalam satu-satu kampung, seperti di Mesjid, Surau, kedai-kedai kopi dan rumah-rumah Penghulu. Selain daripada itu Penghulu dan pekerja taliair akan juga memberitahu secara lisan. Tujuan diberitahu terlebih dahulu itu ialah supaya petani-petani dapat menyediakan "parit jari" ditepi bendang mereka secara gotong-royong. Dengan itu apabila air mengalir keluar daripada Parit Besar akan dapat mengalir ke dalam sawah melalui "parit jari"



itu.

Didapati 63.6% daripada petani menyatakan mereka mengambil bahagian dalam kerja gotong-royong untuk membuat dan mencuci "parit jari" dan 36.4% tidak pernah mengambil bahagian dalam kerja-kerja itu.

Oleh kerana terdapat petani-petani yang tidak menyediakan "parit jari" maka kedapatan dikalangan petani "curi mencuri" air dari bendang atau dari "parit jari" orang lain. Masaalah ini juga berlaku di kalangan petani yang ada "parit jari" ditepi sawah mereka, iaitu apabila pengaliran air tidak memuaskan.

Walau bagaimanapun kesemua respondent bersetuju, iaitu dalam masaalah penggunaan taliair ini, semua petani mesti bekerjasama dan mempunyai sifat tolak ansur supaya air dapat dinikmati oleh semua yang memerlukan.

Dari 96% petani yang menerima air dari Projek Pengairan ini, hanya 87% menerima air yang memuaskan untuk tanaman padi.

Jadual 5.1

PENERIMAAN AIR

<u>Penerimaan Air</u>	<u>Petani (%)</u>
Tidak Mencukupi	3.7
Sederhana	3.7
Memuaskan	87.0
Melebihi	5.6
Jumlah	100.0
	=====

Selain daripada masaalah penerimaan air yang tidak mencukupi atau melebihi air, petani juga mengalami masaalah semasa mencedong, iaitu keadaan kekurangan air atau air belum sampai. Masaalah kedua ialah masa padi hendak masak, dan air masih banyak dalam bendang. Data



menunjukkan 40% petani menghadapi masalah itu.

Walaupun masalah itu dihadapi sejak ada taliair, tetapi kebanyakan petani tidak mengambil langkah yang positif untuk cuba mengatasi masalah yang dihadapi itu. Hanya 9.5% menemui Penghulu untuk diberitahu tentang masalah yang dihadapi itu; 23.6% berjumpa dengan Penjaga Taliair di kawasan itu dan 66.9% tidak mengambil apa-apa langkah, dan menerima masalah itu sebagai satu hakikat yang di luar kuasa mereka dan yang tidak dapat dielakkan.

Apabila ditanya petani yang 66.9% itu mengapa mereka menerima saja masalah-masalah itu tanpa berusaha untuk mengatasinya, kebanyakan menjawab:-

- (i) Sudah ada di kalangan petani yang telah membuat pengaduan kepada Penghulu dan Penjaga Taliair, oleh itu tidak perlu petani-petani lain membuat pengaduan yang sama.
- (ii) Kalau tanah Penghulu sendiri mengalami masalah, tentu Penghulu berusaha mengatasinya. Bagi pihak petani, mereka menanti saja apa yang telah diusahakan oleh Penghulu itu.

## 2. Konflik Akibat Perebutan Air

Walaupun ada kes mencuri air di kalangan petani, tetapi apabila ditanya petani-petani samaada terdapat pergaduhan akibat dari ini, 55% menyatakan pergaduhan berlaku dan 45% menyatakan tidak. Untuk mendapat jawapan yang tepat mengenai masalah itu, pengkaji menemui Penghulu Kampong itu dan dari Penghulu itu didapati konflik secara kecil-kecilan dan secara "tidak terbuka" (latent) memang berlaku. Walau bagaimanapun konflik secara itu tidak dianggap sebagai suatu "pergaduhan", kerana



apa yang berlaku di kalangan petani-petani yang terlibat itu hanyalah "bermasam muka" sahaja.

Dengan itu dapatlah dirumuskan walaupun tiada satu "pergaduhan" secara terbuka, tetapi perbuatan dari "curi mencuri" air di kalangan petani menimbulkan keadaan disharmoni di antara mereka.

Data yang dikumpul menunjukkan hanya lebih kurang 7% daripada petani yang membuat pengaduan kepada Penghulu, dan yang 93% baki itu hanya "senyap begitu sahaja".

Mereka berasa lebih baik "senyap begitu saja" daripada dihebah-hebahkan kerana perkara yang kecil itu akan menjadi besar dan yang akan mengalami kesushan ialah petani sendiri. Bagi mereka penggunaan air bukan setakat satu musim saja, tetapi beratus-ratus musim ke hadapan, oleh itu lebih baik kalau mereka hanya "bermasam muka" daripada bergaduh secara terang-terang.

### 3. Perhubungan Antara Petani Dengan Pekerja KADA

Pekerja KADA di sini adalah dimaksudkan Penjaga Pintu Taliair dan Merinyu Taliair yang bertugas untuk melihat pembahagian air di sini berjalan dengan sempurna. Selain daripada bekerja mengawas pembahagian air, mereka juga ditugas memberi nasihat dan menerima cadangan dari petani-petani mengenai sesuatu perkara yang berkaitan dengan taliair.

Perhubungan yang erat antara petani dan pekerja KADA sangat diperlukan, kerana apabila terjadi pertalian yang erat itu, pihak KADA akan lebih mengetahui masaalah dan kesulitan yang dihadapi oleh petani. Dari data yang didapati, dapat dirumuskan hanya 20% daripada petani mengenali Penjaga Pintu Taliair secara dekat serta mengetahui namanya. Yang baki 80% itu hanya kenal secara jauh dan tidak mengetahui namanya.

Dari segi kekerapan petani menemui Penjaga Pintu Taliair, ianya



adalah seperti berikut:-

Jadual 5.2

KEKERAPAN PETANI BERTEMU PENJAGA  
PINTU TALIAIR

<u>Kekerapan</u> <sup>1</sup>	<u>Petani (%)</u>
Tidak pernah	63.6
Kadang-kadang	32.6
Selalu	3.8
Jumlah	100.0
	=====

Orang yang kedua yang dekat dengan petani dari segi penggunaan pengairan ialah Merinyu Taliair. Petani ditanya samaada mereka mengenali Merinyu Taliair itu dan bagaimanakah kekerapan petani bertemu dengannya. Didapati 12.7% daripada petani menyatakan mereka kenal dengan Merinyu itu secara dekat tetapi terdapat 87.3% menyatakan mereka mengenalinya secara jauh sahaja.

Dari segi kekerapan<sup>2</sup> menemui Merinyu itu, didapati hanya 10% sahaja petani yang kadang-kadang menemui Merinyu itu dan 90% tidak pernah berjumpa sekali pun dengannya.

Dari data telah ditunjukkan, 36.4% daripada petani pernah menemui Penjaga Taliair, Tetapi data juga menunjukkan hanya 23.6% daripada petani yang pernah bertemu dan mengadu kepada Penjaga Taliair tentang masaalah yang dihadapi tentang pembahagian air. Dari itu dapat dirumuskan 12.8% daripada petani yang menemui Penjaga Pintu Taliair adalah tidak berthabit dengan taliair. Hal itu dapat dipertanggung-jawab

---

<sup>1</sup> Kekerapan dimaksud kekerapan petani bertemu dengan pekerja KADA dalam satu musim penanaman padi, "tidak pernah" iaitu apabila petani tidak sekalipun bertemu dengan pekerja KADA. "Kadang-kadang" dimaksudkan 4 - 6 pertemuan semusim; "selalu" apabila pertemuan melebihi enam kali semusim.

<sup>2</sup> Seperti 1 di atas.



kerana terdapat beberapa orang petani yang mengatakan pertemuan mereka dengan Penjaga Pintu Taliair tidak selalunya mengenai air, pertemuan mereka sekadar terserempak di tengah jalan dan mereka berbual-bual kosong sahaja. Begitu juga pertemuan dengan Merinyu Taliair, iaitu sekadar bertegur sapa di tengah jalan dan berbual kosong.

Melihat kepada keadaan di mana ramai petani yang tidak mengenali secara dekat Penjaga Taliair dan Merinyu Taliair, dapatlah dirumuskan hubungan yang erat yang diharap terjalin antara petani dengan pekerja KADA tidak wujud. Dengan itu tentu sekali pihak KADA tidak akan mengetahui secara halusi masaalah yang dihadapi oleh petani dari segi penggunaan taliair. Begitu juga di pihak petani, apa-apa masaalah yang timbul dari penggunaan taliair akan di "senyap begitu sahaja" kerana ramai yang tidak mengenali pekerja KADA secara dekat.

Dengan itu pihak KADA tentu menyangka petani telah berpuashati dalam pembahagian air kerana pihaknya kurang menerima aduan. Di pihak petani pula, masaalah air wujud pada tiap-tiap musim dan mereka akan menyalah pihak KADA kerana wujud masaalah itu disebabkan kecuaian mengawas pembahagian air itu.

Dua Jadual di bawah menunjukkan:

- (i) Penilaian petani dari segi kesenangan mereka hendak bertemu dengan pekerja KADA.
- (ii) Penilaian petani tentang usaha pekerja KADA terhadap mengatasi masaalah yang dihadapi oleh petani-petani.

Kedua-dua Jadual 5.3 dan 5.4 di muka surat 65 juga akan mempengaruhi perhubungan petani dengan pekerja KADA. Kalau petani masih mengalami kesulitan untuk berjumpa dengan pekerja KADA, dan pekerja KADA pula menunjuk minat yang kurang dalam mengatasi masaalah-masaalah yang

dihadapi oleh petani-petani, maka hubungan antara mereka tidak akan terjalin dengan mesra.

Jadual 5.3

KESENANGAN MENEMUI PEKERJA KADA

<u>Keadaan</u>	<u>Petani Melapur (%)</u>
Senang	20
Sederhana	67
Susah	13
Jumlah	100 =====

Jadual 5.4

PEKERJA KADA:  
MENGAMBIL BERAT TENTANG MASAALAH PETANI

<u>Keadaan</u>	<u>Petani Melapur (%)</u>
Ambil berat	30
Kurang Mengambil berat	70
Jumlah	100 =====

4. Penilaian Petani Terhadap Rancangan KEMUBU

Kesemua respondent yang ditemuduga memberi penilaian yang tinggi terhadap usaha kerajaan mengadakan taliair di kawasan ini. Dengan itu dapat dinyatakan penilaian itu tidak bergantung pada hasil padi mereka, iaitu samaada mereka mendapat hasil yang tinggi atau rendah. Tetapi bagi mereka yang mendapat hasil padi yang rendah, mereka menyalahkan pekerja taliair yang menyebabkan terjadi hal demikian<sup>3</sup>.

---

<sup>3</sup>Tikus juga disebut sebagai penghalang pada hasil padi yang tinggi, tetapi petani jarang sekali menyebut tentang kekurangan membaja yang akan menyebabkan hasil padi yang kurang.



35% daripada petani menyatakan oleh kerana pengawasan air tidak memuaskan, padi mereka telah rosak, terutama sekali pada masa mencedong di mana terdapat kekurangan air, dan di masa menuai di mana pada waktu ini air mesti kering, tetapi sebaliknya pula air dalam bendang masih ada lebih kurang sekaki.

Petani berpendapat jika pengawasan air dapat disempurnakan, mereka rasa hasil padi mereka akan bertambah.

#### 5. Kesanggupan Petani Membayar Cukai Air

Kerajaan bercadang untuk mengenakan cukai air ke atas petani-petani yang mengguna air daripada Projek Pengairan KEMUBU ini. Tetapi buat masa ini, oleh kerana perjalanan Projek ini belum lagi sempurna, maka penggunaan air adalah secara percuma sahaja. Walau bagaimanapun petani di sini telah mengetahui tentang cukai air yang akan dikenakan atas mereka kelak.

Dalam kajian ini, petani-petani ditanya tentang kesanggupan mereka membayar cukai air, dan jawapan adalah seperti di bawah.

Jadual 5.5

#### KESANGGUPAN MEMBAYAR CUKAI AIR

<u>Jumlah (Seekar)</u>	<u>Petani Melapur (%)</u>
1. Ikut Perintah	12.7
2. \$8 - \$10.00	63.6
3. \$5 - \$7.00	20.0
4. Tidak sanggup membayar	3.7
Jumlah	100.0

Dari Jadual di atas didapati kesanggupan petani-petani membayar cukai air sedikit sebanyak dipengaruhi oleh air yang diterima dari Projek KEMUBU ini. Didapati, petani yang memberi jawapan (1) dan (2), mereka



adalah tergolong dalam kumpulan yang tidak ada masalah dalam penerimaan air. Sejak dari mula taliair digunakan hingga masa kajian, mereka selalu menerima air yang memuaskan.

Bagi mereka yang memberi jawapan No. 3, didapati mereka itu adalah tergolong kepada petani-petani yang mendapat air yang kurang memuaskan, iaitu samaada mendapat air yang kurang atau berlebihan.

Di kalangan petani yang tidak sanggup membayar cukai langsung ialah mereka yang tidak dapat menanam padi dua kali se tahun oleh kerana tidak menerima air dari Rancangan Pengairan KEMUBU ini.

Tentang masa pembayaran cukai air, semua respondent bersetuju pembayaran diadakan setahun sekali. 2 orang respondent (3.6%) mahu pembayaran diasingkan daripada hasil tanah dan 3 orang respondent (5.5%) mahukan dicantum pembayaran cukai air dengan cukai tanah. Yang lain-lain itu akan menerima sahaja ketetapan yang akan dibuat nanti.

#### 6. Jenis Padi Ditanam dan Kaitan Dengan Pengairan

Untuk menjaya Rancangan KEMUBU sepenuhnya, petani dinasihat supaya menanam padi jangka pendik dan yang mengeluarkan hasil yang tinggi (High Yielding Variety - HYV) seperti Mahsuri, Bahagia dan lain-lain. Jenis ini mengambil masa lebih kurang 4 bulan untuk mengeluarkan padi. Dengan menanam jenis HYV dalam kedua-dua musim, petani-petani akan mempunyai lebih kurang dua bulan untuk menuai dan menyediakan bendang untuk penanaman musim seterusnya.

Walau bagaimanapun didapati dalam kawasan ini penggunaan jenis HYV terbatas pada penanaman "luar musim" sahaja dan padi jenis "tempatan" (Local Variety) atau padi kampung masih ditanam dengan meluasnya untuk penanaman padi "musim".



Jadual 5.6

## PENANAMAN PADI ("MUSIM")

<u>Jenis Padi</u>	<u>Petani Melapur (%)</u>
Padi Tempatan	96
HYV	4

Jadual 5.7

## PENANAMAN PADI ("LUAR MUSIM")

<u>Jenis Padi</u>	<u>Petani Melapur (%)</u>
Padi Tempatan	Tiada
HYV	100

Petani-petani yang menanam padi "tempatan" (local variety) dalam penanaman padi "musim" ditanya mengapa mereka masih menanam jenis itu walaupun mereka tahu hasilnya kurang dan memakan masa yang lebih untuk mengeluarkan buah, jawapannya mereka adalah seperti berikut:-

5.3% daripada mereka menyatakan padi kampung boleh disimpan lebih lama daripada padi HYV dengan tidak mengalami apa-apa kerosakan pada padi atau beras.

7.2% lagi mengatakan, bagi padi kampung, kalau ditimbang ianya akan menjadi lebih berat daripada padi HYV, walaupun kedua-dua jenis itu dari segi sukatan gantang sama.

87.5% mengatakan padi kampung dapat hidup dalam air lebih lama daripada HYV kerana batang padi kampung lebih kuat daripada HYV. Seterusnya mereka menjelaskan, dalam penanaman padi "musim" air dalam bendang adalah lebih banyak dan akan berada dalam bendang lebih lama disebabkan hujan yang turun tidak berhenti.

Oleh itu padi kampung lebih bersesuaian daripada HYV kerana selain daripada dapat hidup dalam air yang lebih banyak, ia juga akan mengambil masa yang lebih lama untuk mengeluarkan buah. Dengan itu bererti



padi kampung hanya akan mengeluarkan buah apabila musim hujan akan berakhir dan air dalam bendang mulai kering. Tetapi kalau jenis HYV ditanam, oleh kerana jangka mengeluarkan buah adalah lebih pendek, maka ia akan berbuah semasa air dalam bendang belum kering dan musim hujan belum berakhir. Keadaan ini tidak sahaja menyusahkan kerja menuai tapi juga merosakkan padi yang baru keluar kerana ianya memerlukan cahaya matahari buat beberapa ketika untuk padi itu betul-betul masak sebelum dituai.

#### 7. Pengairan Mengurangkan Masa Lapang Petani

Sebelum adanya Rancangan KEMUBU, kebanyakan masa petani-petani terbuang begitu sahaja. Ini disebabkan selepas menuai padi "musim", petani tidak ada kerja yang khusus untuk diusahakan. Mereka hanya membuat kerja kampung, dan kerja-kerja itu tidak memerlukan penumpuan tenaga yang sepenuhnya. Kerja-kerja kampung dilakukan sambil sahaja.

Oleh itu petani yang mempunyai masa lapang yang begitu lama akan menghabiskan masa lapang itu dikedai-kedai kopi atau bertandang di rumah jiran atau kawan-kawan. Didapati lebih kurang 56% petani berbuat demikian setelah mereka selesai kerja-kerja kampung yang mereka usahakan.

Selain daripada itu, mereka kerap kali mengadakan acara hiburan dalam kampung. Acara hiburan itu termasuklah Berdikir Barat, Wayang Kulit, Pertandingan Wau, Mak Yong dan lain-lain yang digemari oleh penduduk-penduduk di Pantai Timur. Acara-acara itu di atur berperingkat untuk meliputi masa tidak menanam padi itu.

Keadaan itu telah berubah sekarang. Petani tidak lagi mempunyai masa yang begitu lama untuk dihabiskan. Setelah selesai padi "musim" mereka terpaksa bersedia untuk padi "luar musim" pula. Walau bagaimana



pun, untuk memeriah<sup>4</sup> suasana dalam kampung setelah berpenat lelah menuai padi, mereka adakan juga pertunjukan kesenian itu. Tetapi apa yang diadakan sekarang hanya satu atau dua jenis pertunjukan sahaja daripada berjenis-jenis pertunjukan yang pernah diadakan sebelum ini. Yang paling digemari sekarang ialah Berdikir Barat dan Wayang Kulit.

Walaupun dalam kampung<sup>wa</sup> tidak diadakan apa-apa pertunjukan selepas menuai padi "musim" tahun 1974, tetapi pengkaji mendapat tahu bahawa pertunjukan Wayang Kulit diadakan selama tujuh malam berturut-turut, lebih kurang sebatu daripada kampung ini.

#### 8. Pengairan dan Ternakan Binatang

Rancangan Pengairan KEMUBU dan penanaman padi dua kali setahun telah mengurangkan pemeliharaan kerbau dan lembu dalam kawasan ini. Sebelum ada Rancangan ini, 49% daripada petani menyatakan mereka ada memelihara binatang itu. Tetapi sekarang didapati hanya 6% sahaja petani yang menyatakan mereka ada memelihara kerbau dan lembu itu.

Sebab yang diberi mengapa terdapat kekurangan petani memelihara binatang itu ialah kesulitan untuk memberi makan pada binatang itu. Ini ialah kerana sawah padi tidak dibiarkan dipenuhi oleh rumput selepas padi "musim", kerana sawah itu terpaksa disediakan untuk padi "luar musim" pula.

Selain daripada itu petani menyatakan oleh kerana penumpuan sepenuh masa untuk tanaman dua kali setahun, maka mereka tidak ada masa lagi untuk menjaga kerbau lembu. Tambahan pula apabila mereka memelihara binatang itu, mereka terpaksa menyediakan makanan seperti menghancurkan

---

<sup>4</sup>Tujuan sebenar diadakan pertunjukan-pertunjukan kesenian itu ialah untuk "berniaga". Oleh kerana pertunjukan itu bermula dari pukul 9.00 malam hingga pukul 3.00 atau 4.00 pagi, pehak penaja pertunjukan akan membuka gerai-gerai jualan makan sepanjang masa pertunjukan itu. Pada kebiasaannya mereka akan mendapat keuntungan yang banyak

batang pisang; mereka tidak sanggup berbuat demikian tiap-tiap hari.

Kekurangan kerbau dan lembu itu mengakibatkan petani terpaksa menggunakan jentera pembajak sebanyak dua kali untuk menghancurkan tanah mereka.

Selain daripada itu, ini juga bermakna kekurangan baja asli. Kekurangan baja asli menyebabkan petani menggunakan belanja yang lebih untuk menanam padi. Ketiadaan binatang itu juga mengurangkan pendapatan dari kerja sampingan petani, iaitu dari penjualan binatang itu apabila Hari Raya Haji menjelang.

Dengan itu jelaslah bahawa dengan adanya Rancangan KEMUBU, binatang kerbau dan lembu menjadi semakin sedikit bilangannya kalau dibandingkan dengan masa sebelum adanya Rancangan ini.



## BAB VI

### PENUTUP

#### 1. Kesimpulan

A. Perhubungan erat yang diharap terjalin antara pekerja KADA dengan petani tidak wujud di kawasan ini. Hal demikian timbul disebabkan beberapa faktor:-

(i) Kesulitan petani untuk bertemu dengan pekerja KADA.

(ii) Kekurangan minat di pihak pekerja KADA untuk menyelidik masalah-masalah yang dihadapi oleh petani dalam penggunaan air.

(iii) Faktor (i) mengakibatkan sebilangan kecil sahaja petani mengenali siapa pekerja KADA yang bertanggung-jawab untuk mengawasi pembahagian air.

(iv) Disebabkan faktor-faktor di atas maka petani sering menerima saja apa-apa masalah yang timbul dari pembahagian air itu.

B. Tanaman dua musim secara tidak langsung mengakibatkan 'latent' konflik di antara sebilangan kecil penduduk di kawasan ini. Dalam usaha petani untuk mendapat secukup air supaya membolehkan mereka menanam dua musim, beberapa ikhtiar untuk mendapat air dijalankan, seperti mencuri air dari bendang orang lain, menyekat pengaliran air dan sebagainya. Kekurangan air mungkin disebabkan ketiadaan "parit jari" atau sememangnya

terdapat pengawasan pintu air tidak sempurna.

Keujudan "latent" konflik akan membahaya keharmonian sistem sosial kalau konflik itu diperbesarkan dengan membuat pengaduan kepada Penghulu. Tetapi didapati lebih 90% petani tidak membuat pengaduan tentang konflik itu, dengan demikian dapat menjamin dan memperkukuhkan sistem sosial yang ujud di kalangan mereka.

C. Dari segi kesanggupan petani membayar cukai air, didapati hanya mereka yang tidak menerima air sahaja yang tidak sanggup membayarnya. Petani-petani lain sanggup membayar, tetapi terdapat beberapa perbedaan jumlah wang yang sanggup dibayar mereka. Walau bagaimanapun semua respondent bersetuju bahawa dalam penggunaan satu-satu perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan, seseorang pengguna itu perlu membayar perkhidmatan itu mengikut kadar yang digunanya.

D. Kecuali dalam penggunaan racun tikus, petani-petani sanggup menerima teknologi moden untuk penanaman padi. Tetapi oleh kerana pendapatan mereka terlalu sedikit, maka penggunaan teknologi moden itu sangat terbatas. Penolakan racun tikus dan penggunaan teknologi moden yang terhad akan merendahkan hasil tani dan pendapatan mereka. Keadaan "cycle" itu akan berterusan melainkan tindakan yang berkesan diambil oleh pihak yang berkenaan.

E. Usaha kerajaan membina Rancangan Pengairan KEMUBU dengan tujuan menambah hasil pendapatan petani mendapat sambutan dan penilaian yang tinggi, tetapi petani mengharapkan supaya organisasi Rancangan ini di peringkat kampung mereka dapat berjalan dengan licin tanpa menimbulkan masalah kekurangan atau kelebihan air.

## 2. Cadangan dan Masa Depan KEMUBU

Kejayaan Rancangan Pengairan KEMUBU dapat diukur dengan melihat



penyertaan petani dalam tanam dua musim dan sejauh mana tingkat sosial dan ekonomi mereka telah berubah dengan penyertaan itu.

Dari segi penyertaan petani adalah memuaskan. Tetapi sehingga kini penyertaan itu belum lagi dapat mengubah keadaan kemiskinan mereka. Taliair hanyalah satu bahagian yang kecil dalam satu keseluruhan yang lebih luas, (seperti pemasaran, institusi kredit, jentera, baja dan lain-lain lagi) kesemua bahagian-bahagian itu perlu diubahsuaikan supaya Taliair, sebagai satu pendorong utama dalam penanaman padi dua musim, dapat menunjukkan kejayaan yang nyata.

Bahagian asas yang perlu dititikberatkan ialah struktur dan organisasi penanaman padi cara moden. Telah dimaklumkan bahawa kekurangan modal dan pendapatan menyebabkan kekurangan penerimaan teknologi moden.

Dengan keadaan demikian, orientasi sekarang perlu dan mesti ditujukan untuk merendahkan kos pengeluaran. Petani sebagai individu tidak dapat mengubah keadaan sistem yang wujud sekarang, malahan petani sebagai satu tenaga kolektif juga tidak berdaya memutus pengaruh-pengaruh orang tengah yang selalu menindas mereka.

Penubuhan institusi-institusi separuh kerajaan seperti Lembaga Persatuan Peladang (LPP), Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bank Pertanian dan lain-lain adalah diharapkan dapat mengurang penderitaan petani dengan memberi pertolongan pada mereka.

Di peringkat kampung, penubuhan LPP dijangka dapat mengurang kos pengeluaran dan memberi kemudahan sosial dan ekonomi pada petani. Tetapi apa yang sebenar berlaku di kawasan ini ialah LPP tidak berupaya berbuat demikian kerana ketiadaan jentera pembajak dan lain-lain program yang menyeluruh untuk diberi kepada petani. Oleh itu, organisasi LPP,



sekurang-kurangnya di kawasan ini, perlu diperbaiki dan diberi nafas baru supaya dapat menjalankan peranan yang diharapkan itu.

KADA dan Jabatan Pertanian juga diharapkan dapat melihat masaalah petani di peringkat yang paling bawah. Ini memerlukan pegawai dan kakitangan yang penuh dedikasi yang terlatih dalam bidang kemasyarakatan selain mempunyai pengetahuan tentang pertanian dan pengairan.

Purata keluasan tanah yang diusahakan oleh petani dalam kawasan ini ialah 2.2 ekar, ini adalah terlalu kecil dan tidak ekonomikal. Adalah dianggarkan untuk satu keluarga tani yang berjumlah 5 - 6 orang, keluasan tanah yang paling ekonomikal untuk mereka mengusahakannya ialah 6 ekar.<sup>1</sup> Oleh itu satu tindakan perlu diambil oleh kerajaan, seperti membuat satu Reformasi Tanah untuk mengatasi kekurangan tanah di kalangan petani-petani.

Perkembangan pesat akan dapat dicapai dan matalamat meninggi taraf ekonomi, politik dan sosial penduduk luar bandar akan tercapai jika masaalah asas dan masaalah berkaitan dapat diatasi.

---

<sup>1</sup> Ukuran yang dibuat oleh Lembaga Persatuan Peladang, dalam Kertas Kerja oleh Ketua Pengarah Lembaga itu. Dibentang dalam Seminar di Paya Besar, Kuantan pada 5hb. November, 1973.




# BIBLIOGRAPHY

1. Abdul Aziz bin Ibrahim, Penanaman Padi Dua Kali Setahun, Kajian Ilmiah, Universiti Malaya 1970/71.
2. Asian Development Bank, The (ABD) Asian Agricultural Survey, Tokyo University Press, 1969.
3. Barnard, Rosemary Edith, Organisation of Production in Kedah Rice Farming Village, Phd., Australian National University, 1970 (Microfilm U.M., 1069.2).
4. Bennis, Benne & Chin (ed.) Planning of Change, Holt, Rinehart and Winston Inc. 1969.
5. Dumont, Rene, Types of Rural Economy, Methuen & Co. London, 1957.
6. Grist, D.H., Rice, John Wiley & Son Inc. N.Y., 1959.
7. Jabatan Penerangan Malaysia, Kemubu Irrigation Scheme, Lai Than Fong Press, K.L.
8. Jabatan Penerangan Malaysia, Malaysia Secara Rengkas, Percetakan Central Bhd., P.J.
9. Jabatan Penerangan Malaysia, The 1974 Budget, Percetakan Armada Sdn. Bhd., Malaysia, 1974.
10. Kenny, M., Patterns of Patronage in Spain, dalam Anthropological Quarterly, Vol. 33, 1960.
11. La Piere, Richard T., Social Change, McGraw-Hill Book Co., 1965.
12. Lapuran "Area Development " bagi kawasan Kemubu I, Pejabat Pertanian Kelantan 1974.
13. Lim, Peter & Nathan, M.P. Basic Readings in Malaysian Economics, Modern Education Publications, K.L., 1969.
14. Malaysia, Second Malaysia Plan 1971-1975, Government Printer, K.L. 1971.
15. Mosher, A.T., Getting Agriculture Moving, Frederick A. Praeger, N.Y., 1966.
16. Narkswandi, Udhis, (Prof.) A Report to the Malaysian Government on the Rice Economy of West Malaysia, FAO Rome, 1966


17. Selvadurai, S., Ani Arope & Nik Hassani Mohamad, Socio-Economic Study of Padi Farmers in the Kemubu Area of Kelantan, Ministry of Agriculture and Cooperation Malaysia, 1968.
18. Ungku A. Aziz (Prof.) Three Papers on Rural Development, Faculty of Economics and Administration, U.M., 1969.








# KAMPONG PADANG ENGGANG & KAMPONG RUMPEK



 Kawasan Sawah Padi

 Kawasan Perkampungan Petani